




GARIS PANDUAN PENENTUAN NAMA GEOGRAFI MALAYSIA



EDISI KETIGA (2025)

Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG)



Garis Panduan Penentuan Nama Geografi Malaysia

EDISI KETIGA

Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi
2025

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana isi kandungan dokumen ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada :

Sekretariat Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi,
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia,
Jalan Sultan Yahya Petra,
50578 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Edisi Ketiga 2025

Diterbitkan di Malaysia oleh
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia,
Wisma JUPEM,
Jalan Sultan Yahya Petra,
50578 Kuala Lumpur.
Tel.: +603 2617 0800
Faks: +603 2617 0990
www.jupem.gov.my

Cetakan di Malaysia oleh
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia,
Bangunan Ukur,
Jalan Sultan Yahya Petra,
50578 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

1.	PRAKATA	v
2.	PENDAHULUAN	1
3.	SKOP	1
4.	RASIONAL DAN MANFAAT	1
5.	GLOSARI	2
6.	TADBIR URUS PENGURUSAN NAMA GEOGRAFI MALAYSIA	5
6.1	Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG)	6
6.2	Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK)	8
6.3	Kumpulan Kerja Dasar dan Pengemaskinian Nama Geografi (KKDPNG)	10
6.4	Kumpulan Kerja Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (KKPDNG)	11
6.5	Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi (KKNPEG)	12
6.6	Jawatankuasa Negeri Nama Geografi (JNNG)	14
6.7	Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Negeri (JTNGN)	24
6.8	Senarai Keahlian Jawatankuasa Kerja Nama Geografi Peringkat Daerah Sabah	35
7.	PRINSIP UTAMA PENAMAAN	36
	Prinsip Pertama : Nama Rasmi atau yang Dibenarkan	36
	Prinsip Kedua : Nama di Bawah Bidang Kuasa Pihak Berkuasa	36
	Prinsip Ketiga : Nama oleh Agensi Lain	36
	Prinsip Keempat : Bahasa Rasmi	36
	Prinsip Kelima : Bentuk Bahasa dan Terjemahan	37
	Prinsip Keenam : Ejaan dan Sebutan	37
	Prinsip Ketujuh : Bentuk dan Sifat Sesuatu Nama	37
	Prinsip Kelapan : Keseragaman dalam Ejaan Nama	38
	Prinsip Kesembilan : Nama yang Lazim Digunakan oleh Masyarakat	38
	Prinsip Ke-10 : Penggunaan Nama Orang	38
	Prinsip Ke-11 : Menamai Sesuatu Entiti Geografi Berdasarkan Batas Geografi yang telah Dikenal Pasti	38
	Prinsip Ke-12 : Pertimbangan untuk Menamai Entiti Geografi yang Belum Bernama	39
	Prinsip Ke-13 : Pertindanan Nama	39
	Prinsip Ke-14 : Perubahan Nama	39
	Prinsip Ke-15 : Penggunaan Unsur Keterangan	39
	Prinsip Ke-16 : Nama Entiti Geografi yang Kecil	40
	Prinsip Ke-17 : Nama Generik	40
	Prinsip Ke-18 : Nama Lain atau Tidak Rasmi	40
	Prinsip Ke-19 : Nama Berbentuk Singkatan dan Nombor	41
	Prinsip Ke-20 : Pulau dan Entiti Geografi di Dalam Pesisir dan di Luar Pesisir	41
	Prinsip Ke-21 : Nama Negara Luar	41
8.	GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN PROSES PENENTUAN NAMA GEOGRAFI DALAM NEGERI	42
9.	GARIS PANDUAN UNTUK NAMA DI LUAR MALAYSIA BAGI KEGUNAAN RASMI DI MALAYSIA	46

LAMPIRAN

Lampiran A

Senarai Alamat Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG)

Lampiran B

Senarai Singkatan (Prinsip Ke-19)

Lampiran C

Nama Negara (Prinsip Ke-21)

*Tatacara Pengemaskinian Garis Panduan Penentuan Nama Geografi dan Buku Senarai
Nama Pulau dan Entiti Geografi*

*Pertanyaan Mengenai Garis Panduan Penentuan Nama Geografi dan Buku Senarai Nama
Pulau dan Entiti Geografi*

1 PRAKATA

Penerbitan Buku Garis Panduan Penentuan Nama Geografi ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) yang bertujuan untuk menyelaraskan kegiatan penentuan nama geografi di Malaysia. Buku Garis Panduan Penentuan Nama Geografi Edisi Ketiga ini telah ditambahbaik bagi memenuhi keputusan Mesyuarat Ke-24 Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK) yang memerlukan penerbitan garis panduan di dalam dwi-bahasa untuk rujukan pada peringkat antarabangsa.

Pertukaran nama-nama kementerian, agensi, jabatan dan perubahan keahlian pada peringkat jawatankuasa kebangsaan dan negeri serta kumpulan kerja mendorong kepada pengemaskinian garis panduan ini. Selain pengemaskinian yang melibatkan keahlian, garis panduan ini juga telah dimantapkan dari aspek linguistik seperti penggunaan ayat dan tatabahasa dengan kerjasama daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta input daripada agensi.

Merujuk resolusi semasa mesyuarat *11th United Nations Group of Experts on Geographical Names, Asia South-East Division* bertarikh 9 November 2022, ahli-ahli mesyuarat disarankan untuk menyumbang dan mengemukakan data serta maklumat bagi menyokong rancangan kerja bagi melengkapkan pangkalan data peta serantau, gazetir dan istilah am.

Sejajar dengan penerbitan buku edisi ketiga ini, diharap akan dapat menambahbaik proses penyeragaman nama-nama geografi di Malaysia dan pemudahcara kepada semua pihak yang terlibat dalam penentuan nama geografi bukan sahaja di dalam negara malah melibatkan pihak berkepentingan di luar negara. Jutaan terima kasih kepada semua ahli JKNG, JTNGK dan kumpulan-kumpulan kerja yang telah banyak menyumbang pandangan serta pendapat dalam pengemaskinian dokumen garis panduan edisi ketiga ini.



DATO' LSr HAZI BIN HASSAN

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi

30 September 2025

2 PENDAHULUAN

Garis panduan ini merangkumi perkara yang berkaitan dengan pilihan, bentuk dan penggunaan nama geografi di Malaysia. Penggunaan secara tekal nama yang tepat bagi tempat merupakan unsur penting dalam komunikasi yang berkesan di seluruh dunia. Penggunaan ini juga membantu pembangunan sosioekonomi, pemuliharaan dan pembentukan prasarana negara. Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Penstandardan Nama Geografi (*United Nations Conference on the Standardisation of Geographical Names* - UNGEGN) yang bermesyuarat di Montreal pada tahun 1987 telah memutuskan keperluan setiap negara anggota untuk merangka garis panduan toponimi. Maka dokumen ini merupakan usaha negara untuk memenuhi keperluan tersebut. Dokumen ini telah disediakan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) di bawah naungan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sebagai inisiatif pembangunan infrastruktur data geospasial negara.

3 SKOP

Dokumen Garis Panduan Penentuan Nama Geografi di Malaysia terdiri daripada glosari, Tadbir Urus Pengurusan Nama Geografi Malaysia dan Prinsip Utama Penamaan sebagai rujukan orang awam dan agensi yang terlibat dalam proses penamaan nama geografi bagi seluruh Malaysia.

4 RASIONAL DAN MANFAAT

Pengendalian urusan tertentu akan menjadi lebih teratur sekiranya penggunaan satu nama digunakan untuk satu entiti geografi. Walaupun begitu kadangkala berlaku salah faham dan ketidaktentuan apabila nama yang berlainan digunakan bagi sesuatu tempat yang sama, nama yang sama digunakan bagi tempat yang berlainan, nama bagi sesuatu entiti dieja dengan cara yang berlainan atau nama yang diberikan bagi sesuatu ciri dibuat dengan cara yang tidak sewajarnya. Penstandardan bagi pemberian nama menjadi bertambah penting disebabkan keperluan rujukan yang berkaitan dengan pembangunan sistem komunikasi, pengangkutan, carta dan peta yang mempunyai kejituan tinggi dan lain-lain. Nama geografi yang standard juga menjadi identiti dan menyerlahkan budaya, warisan dan landskap alam persekitaran. Penggunaan nama geografi yang tekal dan tepat dapat membawa manfaat kepada:

- i. Perdagangan dan perniagaan;
- ii. Banci penduduk dan perangkaan negara;
- iii. Hak pemilikan ke atas harta dan kadaster;
- iv. Perancangan bandar dan wilayah;
- v. Pengurusan alam sekitar - pembangunan yang lestari dan pemuliharaan;
- vi. Bantuan bencana alam - keadaan siap siaga untuk kecemasan dan penerimaan bantuan;
- vii. Strategi keselamatan dan operasi menjaga keamanan;
- viii. Operasi mencari dan menyelamatkan;

- ix. Penerbitan peta dan atlas;
- x. Pandu arah automatik;
- xi. Pelancongan; dan
- xii. Komunikasi, termasuklah khidmat penyampaian berita dan pos.

5 GLOSARI

Alur

Bahagian badan air (kadang-kadang dikeruk) yang cukup dalam untuk pelayaran melalui kawasan yang sebaliknya tidak boleh dilayari. Ia biasanya ditandakan dengan satu atau dua barisan pelampung dan kadang-kadang dengan jalur penanda. Bahagian paling dalam sungai, teluk atau selat tempat arus utama mengalir.

Banjaran

- (a) Kawasan terpencil yang sempit dan panjang dengan variasi sisi yang curam; atau
- (b) Kawasan terpencil yang sempit dan panjang yang sering membahagikan lembangan lautan.

Batu

Sebarang formasi yang terjadi secara semula jadi dan merupakan sebahagian daripada litosfera. Bahan semula jadi yang membentuk jisim yang kukuh, keras dan pejal di dasar lautan. Formasi berbatu yang terasing atau satu batu besar dan biasanya berbahaya kepada pelayaran.

Batuan

Himpunan jirim mineral padat bersifat konsolidat dan padu yang berbahaya kepada pandu arah.

Beting

- (a) Kawasan Cetek; atau
- (b) Halangan luar pesisir kepada navigasi permukaan dengan jarak bebas yang jauh lebih rendah daripada kawasan sekeliling dan terdiri daripada bahan tidak mampat; atau
- (c) Bergerak dari kedalaman yang lebih besar ke kawasan yang lebih cetek dan menyebabkannya menjadi kurang dalam; atau
- (d) Ketinggian cetek yang terdiri daripada bahan tidak mampat yang boleh menjadi halangan kepada navigasi permukaan.

Garis Panduan

Maklumat yang disediakan untuk membantu pelaksana dan pengguna memahami mana-mana prinsip, dasar atau prosedur.

Gunung Dasar Laut

- (a) Suatu ketinggian yang terasing atau agak terasing yang meningkat 1,000 meter atau lebih dari dasar laut dan mempunyai keluasan yang terhad di sekitar puncak; atau
- (b) Satu ketinggian yang ketara dan umumnya hampir sama panjang-lebar, melebihi 1,000 meter dari kawasan sekelilingnya, diukur dari isobat terdalam yang mengelilingi sebahagian besar ciri tersebut.

Nama Geografi

Nama geografi ialah kata nama khas, istilah khusus atau ungkapan yang digunakan pada atau untuk mengenal satu-satu entiti geografi pada masa ini atau sebelumnya. Entiti geografi ialah mana-mana bahagian rupa bumi atau rupa laut yang secara relatifnya kekal, sama ada semula jadi atau buatan manusia dan mempunyai identiti yang dapat dikenali dalam satu-satu konteks budaya tertentu. Maka, nama geografi boleh merujuk mana-mana tempat, rupa alam atau kawasan pada permukaan bumi ini atau sekelompok tempat, rupa alam atau kawasan yang serupa dan berkaitan.

Contoh;

- Tempat – Ipoh, Kuala Lumpur
- Rupa alam semula jadi – Sungai Perak (sungai), Bukit Fraser (bukit)
- Rupa alam buatan manusia – Jalan Ipoh (jalan), Empangan Kenyir (empangan)
- Rupa laut semula jadi – Terumbu Sahap (terumbu)
- Rupa laut buatan manusia – Tambak Johor (tambak)
- Sekelompok tempat yang serupa dan berkaitan – Semenanjung Malaysia
- Sekelompok rupa alam yang serupa dan berkaitan – Kepulauan Langkawi (pulau)
- Sekelompok kawasan yang serupa dan berkaitan – Kompleks Sukan Bukit Jalil (kemudahan sukan)

Nama Lain atau Tidak Rasmi

Nama atau nama yang ejaannya pernah atau masih digunakan untuk merujuk entiti geografi tertentu selain nama rasmi.

Nama Rasmi

Nama geografi dan bentuk tulisan serta penggunaannya, yang dipersetujui atau diiktiraf sebagai rasmi oleh Jawatankuasa untuk digunakan dalam Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Nama rasmi dimantapkan sama ada melalui dasar atau keputusan oleh pihak berkuasa penamaan dan diwartakan.

Nama Tempat

Sama seperti nama geografi.

Negeri

Negeri bermaksud negeri-negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan.

Permatang

- (a) Rangkaian sistem gunung besar di tengah lautan yang saling berhubung dan meliputi skala global. Juga dikenali sebagai permatang tengah lautan (*mid-oceanic ridge*); atau
- (b) Satu bentuk permukaan memanjang yang mempunyai perincian dan saiz berbeza, lazimnya dengan sisi yang curam.

Pihak Berwajib

Agensi yang bertanggungjawab mengawalselia kawasan melalui pewartaan tertentu.

Pihak Berkuasa Penamaan

Pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa untuk menentukan nama sesuatu entiti geografi di kawasan di bawah bidang kuasanya.

Prinsip

Doktrin asas yang diguna pakai untuk semua syarat yang berkaitan dengan penamaan geografi yang termasuk di bawah cakupan toponimi; digunakan sebagai garis panduan untuk menentukan keputusan masa kini dan masa hadapan.

Prosedur

Satu set arahan yang menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai satu-satu matlamat seperti mengemukakan cadangan nama kepada pihak berkuasa penamaan atau pemakaian nama geografi pada peta, carta dan penerbitan persekutuan lain.

Pulau

Sebuah kawasan tanah yang dilingkungi keseluruhannya oleh jasad air.

Terumbu

- (a) Jisim batu atau karang yang sama ada hampir mencecah permukaan laut atau terdedah semasa air surut, sekali gus menjadi bahaya kepada pelayaran; atau
- (b) Ketinggian cetek yang terdiri daripada bahan pejal yang boleh menjadi ancaman kepada pelayaran permukaan.

Tompok

Sekelompok kecil kepingan tanah.

Toponimi

Bidang kajian atau rujukan yang berkait dengan nama geografi.

6 TADBIR URUS PENGURUSAN NAMA GEOGRAFI MALAYSIA

Tadbir urus pengurusan nama geografi di Malaysia diketuai oleh Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) telah ditubuhkan pada 11 September 2002 melalui keputusan Jemaah Menteri Malaysia untuk menyelaraskan kegiatan penentuan nama geografi di Malaysia. Tanggungjawab JKNG merangkumi perkara berikut:

- i. Merangka garis panduan penentuan nama geografi kebangsaan;
- ii. Membangunkan Pangkalan Data Nama Geografi Kebangsaan dan Gazetir Kebangsaan;
- iii. Menggalakkan penggunaan nama rasmi; dan
- iv. Menyelaraskan input aktiviti tatanama negara dengan aktiviti tatanama pada peringkat antarabangsa termasuklah menjadi penghubung kepada Kumpulan Pakar bagi Nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGEGN) terutamanya dengan Kumpulan Wilayah.


Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dengan anggotanya terdiri daripada wakil agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

Pada peringkat negeri, Jawatankuasa Negeri Nama Geografi (JNNG) atau Jawatankuasa Penamaan Geografi Negeri (JPGN) atau Jawatankuasa Nama Geografi Wilayah Persekutuan (JKNGWP) ditubuhkan untuk menyelaraskan dan melaksanakan garis panduan dan prosedur yang telah diputuskan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri atau Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan atau Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) dan anggotanya terdiri daripada wakil agensi negeri atau persekutuan.

Di bawah JKNG, terdapat sebuah jawatankuasa teknikal dan tiga buah kumpulan kerja iaitu:

- i. Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK);
- ii. Kumpulan Kerja Dasar dan Pengemaskinian Nama Geografi (KKDPNG);
- iii. Kumpulan Kerja Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (KKPDNG); dan
- iv. Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi (KKNPEG).

Pada peringkat negeri, Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Negeri (JTNGN) juga ditubuhkan untuk membantu JNNG/JPGN/JKNGWP. Struktur Organisasi Tadbir Urus Nama Geografi di Malaysia sebagaimana di bawah:



Rajah 1 : Struktur Organisasi Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi

6.1 Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG)

Jemaah Menteri berasaskan kertas kabinet No. 551/2337/2002 bertajuk Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi telah meluluskan serta mengesahkan keanggotaan dan terma-terma rujukan “Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi” pada 11 September 2002. Cabutan para 13, keputusan Jemaah Menteri mengenai Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi adalah seperti yang berikut:

13 (a) *Mengambil maklum akan keterangan bahawa penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi adalah bagi tujuan menyelaraskan ejaan-ejaan serta menetapkan piawai nama-nama geografi. Keseragaman dari segi ejaan nama-nama geografi akan memastikan capaian data yang lebih tepat dan reliable; dan*

13 (b) *Bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi yang akan diterajui oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.*

6.1.1 Keahlian

- i Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, JUPEM: *Pengerusi*
- ii Pengarah Ukur Bahagian (Dasar dan Penyelarasan Pemetaan), JUPEM: *Setiausaha*
- iii Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
- iv Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
- v Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- vi Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

- vii Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- viii Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
- ix Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
- x Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
- xi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
- xii Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
- xiii Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- xiv Setiausaha Kerajaan Sarawak
- xv Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
- xvi Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- xvii Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara (JDN)
- xviii Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, PLANMalaysia)
- xix Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR)
- xx Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- xxi Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
- xxii Ketua Pengarah Pusat Hidrografi Nasional (PHN)
- xxiii Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Sekretariat: Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)

NOTA: Jawatankuasa ini diberikan kuasa untuk melantik setiausaha dan mengundang wakil dari mana-mana jabatan atau agensi yang lain dari semasa ke semasa untuk membantu tugas-tugas jawatankuasa.

6.1.2 Terma Rujukan

- i Mengkaji dan menetapkan kriteria-kriteria yang digunakan bagi menentukan nama geografi yang rasmi untuk kepentingan negara;
- ii Mengkaji dan menetapkan Garis Panduan Pembentukan Pangkalan Data Nama Geografi Kebangsaan;
- iii Menentukan sama ada objektif, fungsi dan output aktiviti adalah selari dengan kehendak kerajaan dan keperluan negara;
- iv Mengkaji dan menetapkan metodologi bagi aktiviti-aktiviti nama geografi dalam talian, Gazetir Kebangsaan, Dokumen Standard Kebangsaan dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan nama-nama geografi; dan
- v Bekerjasama dengan Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN), NSC 07/TC 2 Jabatan Standard Malaysia (JSM), Kementerian Pelaburan,

Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan jawatankuasa lain yang berkaitan dalam pembentukan infrastruktur maklumat geografi bagi negara.

6.1.3 Jawatankuasa di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG)

Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Teknikal dan Kumpulan Kerja telah dikemukakan pada 11 Mac 2003 semasa Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi di Ibu Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur. Antara keputusan mesyuarat tersebut ialah pembentukan tiga jawatankuasa dan tiga kumpulan kerja pada peringkat kebangsaan dan negeri seperti yang berikut:

Jawatankuasa

- i. Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK);
- ii. Jawatankuasa Negeri Nama Geografi (JNNG); dan
- iii. Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Negeri (JTNGN).

Kumpulan Kerja

- i. Kumpulan Kerja Dasar dan Pengemaskinian Nama Geografi (KKDPNG);
- ii. Kumpulan Kerja Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (KKPDNG); dan
- iii. Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi (KKNPEG).

6.2 Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK)

6.2.1 Keahlian

- i Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia I, JUPEM: *Pengerusi*
- ii Pengarah Ukur Bahagian (Dasar dan Penyelarasan Pemetaan), JUPEM: *Setiausaha*
- iii Timbalan Pengarah Ukur Bahagian (Dasar dan Penyelarasan Pemetaan), JUPEM
- iv Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
- v Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
- vi Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- vii Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
- viii Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- ix Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
- x Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
- xi Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
- xii Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
- xiii Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
- xiv Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

- xv Wakil Setiausaha Kerajaan Sarawak
- xvi Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
- xvii Wakil Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- xviii Wakil Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara (JDN)
- xix Wakil Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, PLANMalaysia)
- xx Wakil Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR)
- xxi Wakil Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- xxii Wakil Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
- xxiii Wakil Ketua Pengarah Pusat Hidrografi Nasional (PHN)
- xxiv Wakil Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Sekretariat: Seksyen Dasar Pemetaan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)

6.2.2 Terma Rujukan JTNGK

- i Membantu JKNG menyelaraskan dan menetapkan perancangan bagi pelaksanaan aktiviti standard berkaitan dengan nama geografi;
- ii Mencadangkan garis panduan bagi menggariskan prinsip-prinsip dan prosedur menentukan nama geografi;
- iii Mencadangkan kaedah pembangunan dan reka bentuk pangkalan data nama geografi kebangsaan yang mengambil kira keperluan PGN dan data generik kerajaan elektronik;
- iv Menyelaraskan pembangunan dan penerbitan Gazetir Kebangsaan dan Gazetir Web (nama geografi dalam talian);
- v Meneliti dan memberikan ulasan terhadap semua kertas sebelum kertas berkenaan dibawa ke mesyuarat jawatankuasa kebangsaan nama geografi;
- vi Merancang latihan sumber manusia berkaitan dengan standard nama geografi; dan
- vii Menyediakan laporan kemajuan dan aktiviti secara berkala kepada JKNG.

6.2.3 Fungsi

- i Mengkaji dan mencadangkan garis panduan penentuan nama geografi;
- ii Menerbitkan Gazetir Kebangsaan dan Gazetir Web (nama geografi dalam talian); dan
- iii Mengkaji dan mencadangkan reka bentuk Pangkalan Data Nama Geografi Kebangsaan.

6.3 Kumpulan Kerja Dasar dan Pengemaskinian Nama Geografi (KKDPNG)

6.3.1 Pengenalan

Kumpulan kerja ini ditubuhkan susulan daripada cadangan Mesyuarat Ke-8 JTNGK yang telah diadakan pada 7 April 2009 di Kota Kinabalu, Sabah bagi menggantikan Kumpulan Kerja Garis Panduan Penentuan Nama Geografi yang selesai tugasnya setelah terhasilnya penerbitan Buku Garis Panduan Penentuan Nama Geografi. Penubuhan kumpulan kerja ini telah diluluskan semasa Mesyuarat Ke-7 JKNG yang diadakan di Alor Setar, Kedah pada 23 November 2009.

6.3.2 Keahlian

- i Pengarah Ukur Bahagian (Dasar dan Penyelarasan Pemetaan), JUPEM: *Pengerusi*
- ii Wakil Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, PLANMalaysia)
- iii Wakil Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
- iv Wakil Ketua Pengarah Pusat Hidrografi Nasional (PHN)
- v Wakil Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
- vi Wakil Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- vii Wakil Pengarah Ukur Bahagian (Pangkalan Data Geospasial Negara), JUPEM
- viii Wakil Pengarah Ukur Bahagian (Kartografi dan GIS), JUPEM
- ix Wakil Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan Topografi Semenanjung Malaysia), JUPEM
- x Ketua Penolong Pengarah Ukur (Seksyen Dasar Pemetaan), JUPEM
- xi Ketua Penolong Pengarah Ukur (Pengurusan dan Pembangunan Kadaster), JUPEM

Sekretariat: Seksyen Dasar Pemetaan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)

6.3.3 Terma Rujukan

- i Menggariskan serta menjelaskan dasar, prinsip dan prosedur penentuan nama geografi;
- ii Menyelaraskan pengemaskinian nama-nama geografi;
- iii Menyediakan hala tuju keseluruhan (*overall roadmap*) bagi pengemaskinian nama geografi; dan
- iv Bertanggungjawab untuk menyediakan laporan kemajuan dan aktiviti secara berkala kepada JTNGK.

6.4 Kumpulan Kerja Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (KKPDNG)

6.4.1 Pengenalan

KKPDNG telah ditubuhkan pada 11 Mac 2003 oleh JKNG. PGN di bawah NRES telah diberikan tanggungjawab sebagai peneraju dan sekretariat bagi kumpulan kerja ini yang bertujuan untuk menyelaraskan pembangunan Pangkalan Data Nama Geografi (PDNG) dan Penerbitan Gazetir Kebangsaan.

6.4.2 Keahlian

- i Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN): *Pengerusi*
- ii Wakil Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
- iii Wakil Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
- iv Wakil Pusat Hidrografi Nasional (PHN)
- v Wakil Jabatan Kerja Raya (JKR)
- vi Wakil Pos Malaysia Berhad (PMB)
- vii Wakil Arkib Negara Malaysia (ANM)
- viii Wakil Jabatan Warisan Negara (JWN)
- ix Wakil Bahagian Kartografi dan GIS (BKGIS), JUPEM
- x Wakil Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan (BDPP), JUPEM
- xi Wakil Bahagian Pangkalan Data Geospasial Negara (BPDGN), JUPEM
- xii Wakil Bahagian Geospasial Pertahanan (BGSP), JUPEM
- xiii Wakil Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- xiv Wakil setiap negeri dan Wilayah Persekutuan:
 - a) Wakil Kementerian/Jabatan Wilayah Persekutuan (WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, WP Labuan)
 - b) Wakil Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR) Sarawak
 - c) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
 - d) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
 - e) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
 - f) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
 - g) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
 - h) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
 - i) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
 - j) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
 - k) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
 - l) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
 - m) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
 - n) Wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Sekretariat: Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

6.4.3 Terma Rujukan

- i Menghasilkan reka bentuk struktur dan membangunkan Pangkalan Data Nama Geografi Kebangsaan;
- ii Menyediakan metodologi untuk pengemaskinian Pangkalan Data Nama Geografi Kebangsaan;
- iii Menyelenggarakan perkakasan, perisian dan sistem rangkaian Pangkalan Data Nama Geografi Kebangsaan;
- iv Membangunkan Web Gazetir;
- v Membangunkan dokumen Gazetir Kebangsaan dan menerbitkan Gazetir Nama Geografi melalui capaian aplikasi;
- vi Menyediakan laporan berkaitan aktiviti dan status kumpulan kerja ini untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK) dan Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG); dan
- vii Aktiviti-aktiviti lain yang diarahkan oleh JKNG dari semasa ke semasa.

6.5 Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi (KKNPEG)

6.5.1 Pengenalan

Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi Luar Pesisir (KKNPELP) telah ditubuhkan lanjutan daripada Mesyuarat Ke-4 JKNG di Kuantan, Pahang pada 20 Jun 2006. Pada Mesyuarat Ke-11 JKNG, nama kumpulan kerja ini telah dipinda kepada Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi (KKNPEG). Penukaran nama ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan penggunaan istilah luar pesisir kerana kumpulan kerja ini tidak hanya menyerahkan data pulau dan entiti geografi luar pesisir sahaja, malah turut menyenaraikan pulau dan entiti geografi dalam pesisir pantai. Pusat Hidrografi Nasional (PHN) telah dilantik untuk menerajui kumpulan kerja yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan penamaan pulau dan entiti geografi yang terdapat di Malaysia.

6.5.2 Keahlian

- i Timbalan Ketua Pengarah Hidrografi, Pusat Hidrografi Nasional (PHN): *Pengerusi*
- ii Wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
 - a. Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
 - b. Bahagian Ehwal Persempadanan
 - c. Bahagian Pangkalan Data Geospasial Negara
 - d. Bahagian Kartografi dan GIS

- iii Wakil Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
- iv Wakil Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
(Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera)
- v Wakil Arkib Negara Malaysia (ANM)
(Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi)
- vi Wakil setiap negeri/Wilayah Persekutuan
 - a. BPEN Perlis
 - b. BPEN Kedah
 - c. BPEN Pulau Pinang
 - d. UPEN Perak
 - e. UPEN Selangor
 - f. UPEN Negeri Sembilan
 - g. UPEN Melaka
 - h. BPEN Johor
 - i. BPEN Pahang
 - j. UPEN Terengganu
 - k. JTS Sarawak
 - l. JTU Sabah
 - m. UPEN Kelantan
 - n. Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal, Jabatan Wilayah Persekutuan
- vii Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Pusat Hidrografi Nasional (PHN)

6.5.3 Terma Rujukan

- i Mengenal pasti dan mengumpul maklumat yang berkaitan dengan pulau dan entiti geografi di dalam dan di luar pesisir yang berkenaan termasuk carta, warta, pelan warta, peta, perjanjian dan dokumen yang berkaitan;
- ii Mendokumentasikan semua maklumat daripada kajian yang dijalankan bagi tujuan mewujudkan pangkalan data nama-nama pulau dan entiti geografi di dalam dan di luar pesisir secara rasmi. Pendokumentasian maklumat akan disepadukan dengan keperluan pangkalan data nama-nama geografi bagi pulau-pulau dan entiti geografi luar pesisir yang sedia ada;
- iii Merekodkan dan mengemaskini setiap nama baharu bagi pulau dan entiti geografi di dalam dan di luar pesisir yang sedia ada berdasarkan ciri-ciri entiti geografi yang dimajukan oleh pihak negeri. Penamaan semula hendaklah mengikut garis panduan penamaan istilah yang dikeluarkan oleh *International Hydrographic Organisation (IHO publication B-6 & S-32)*; dan

- iv Mengemukakan pangkalan data serta maklumat pulau dan entiti geografi di dalam dan di luar pesisir yang telah dikemaskinikan kepada Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK) secara berperingkat.

6.6 Jawatankuasa Negeri Nama Geografi (JNNG)

6.6.1 Secara umumnya, keahlian JNNG adalah seperti yang berikut:

- i Setiausaha Kerajaan Negeri: *Pengerusi*
- ii Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)/Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)
- iii Pengarah Tanah dan Galian (PTG)
- iv Pengarah Pusat Komputer/Maklumat Negeri
- v Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah
- vi Setiausaha-setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan
- vii Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri
- viii Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (PLANMalaysia Negeri)
- ix Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Secara umumnya, Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri/Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

NOTA: Jawatankuasa diberikan kuasa untuk melantik setiausaha dan mengundang wakil dari mana-mana jabatan atau agensi lain dari semasa ke semasa untuk membantu tugas jawatankuasa.

6.6.2 Fungsi

- i Mengkaji, memberikan maklum balas dan memperakukan draf dasar, strategi dan garis panduan bagi piawaian berkaitan dengan nama geografi;
- ii Menjalankan kajian, mengenal pasti serta mencadangkan nama-nama pulau dan entiti hidrografi semula jadi atau buatan di dalam pesisir dan di luar pesisir yang belum dinamai, sesuai dengan ciri-ciri entiti hidrografi yang berkenaan;
- iii Menyelaras dan menetapkan perancangan bagi pelaksanaan aktiviti piawaian berkaitan dengan nama geografi pada peringkat negeri selaras dengan perancangan JKNG;
- iv Memantau pelaksanaan aktiviti piawaian berkaitan dengan nama geografi pada peringkat negeri;
- v Menubuhkan jawatankuasa kerja yang diperlukan; dan
- vi Menggalakkan penggunaan nama rasmi.

6.6.3 Senarai Keahlian JNNG Peringkat Negeri

i Perlis

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri: *Pengerusi*
- b. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Perlis: *Setiausaha*
- c. Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
- d. Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- e. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis
- f. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis (PLANMalaysia Perlis)
- g. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar
- h. Setiausaha Bahagian/Penolong Setiausaha (Bahagian Pentadbiran Daerah)
- i. Setiausaha Bahagian/Penolong Setiausaha (Bahagian Kerajaan Tempatan)
- j. Pengurus Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Setiausaha Kerajaan Negeri
- k. Setiausaha Bahagian/Penolong Setiausaha Bahagian Perkhidmatan Hartanah Negeri
- l. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan

Sekretariat: Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Perlis

ii Kedah

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri: *Pengerusi*
- b. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan): *Timbalan Pengerusi*
- c. Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- d. Pegawai-pegawai Daerah
- e. Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan
- f. Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
- g. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (PLANMalaysia Kedah)
- h. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Kedah
- i. Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri
- j. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara
- k. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)

iii Pulau Pinang

- a. YB EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan: *Pengerusi*
- b. YB ADUN (1)
- c. YB ADUN (2)
- d. YB ADUN (3)
- e. Bahagian Kerajaan Tempatan
- f. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
- g. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri
- h. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
- i. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang
- j. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia Pulau Pinang)
- k. Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri
- l. Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
- m. Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
- n. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
- o. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
- p. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
- q. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- r. Majlis Bandaraya Seberang Perai
- s. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri
- t. Lembaga Muzium Negeri
- u. Persatuan Sejarah Cawangan Negeri Pulau Pinang
- v. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara
- w. Pos Malaysia Berhad Pulau Pinang
- x. *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI)
- y. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Pulau Pinang

iv Perak

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri: *Pengerusi*
- b. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (P)/Pengarah UPEN
- c. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Perak
- d. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
- e. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perak
- f. Datuk Bandar Ipoh
- g. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak

- h. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak (PLANMalaysia Perak)
- i. Semua Pegawai Daerah (12)
- j. Semua Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (15)
- k. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (PerakGIS)

v Selangor

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor: *Pengerusi*
- b. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri: *Timbalan Pengerusi*
- c. Penasihat Undang-undang Negeri Selangor
- d. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
- e. Pejabat Tanah dan Galian Selangor
- f. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia Selangor)
- g. Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor
- h. Pengarah Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
- i. Pejabat Tanah dan Daerah Petaling
- j. Pejabat Tanah dan Daerah Klang
- k. Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat
- l. Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat
- m. Pejabat Tanah dan Daerah Gombak
- n. Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor
- o. Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor
- p. Pejabat Tanah dan Daerah Sepang
- q. Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam
- r. Majlis Bandaraya Shah Alam
- s. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- t. Majlis Bandaraya Subang Jaya
- u. Majlis Bandaraya Diraja Klang
- v. Majlis Perbandaran Selayang
- w. Majlis Perbandaran Kajang
- x. Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- y. Majlis Perbandaran Sepang
- z. Majlis Perbandaran Kuala Langat
- aa. Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- bb. Majlis Perbandaran Hulu Selangor
- cc. Majlis Daerah Sabak Bernam

- dd. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPN Selangor)
- ee. Perbadanan Adat Istiadat dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)
- ff. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor
- gg. Pusat Hidrografi Nasional (PHN)
- hh. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- ii. Pos Malaysia
- jj. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor

vi Negeri Sembilan

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan: *Pengerusi*
- b. Timbalan SUK Negeri Sembilan/Pengarah UPEN: *Timbalan Pengerusi*
- c. Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- d. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan (PLANMalaysia Negeri Sembilan)
- e. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri
- f. Pentadbir Tanah Daerah Seremban
- g. Pentadbir Tanah Daerah Kuala Pilah
- h. Pentadbir Tanah Daerah Tampin
- i. Pentadbir Tanah Daerah Jempol
- j. Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson
- k. Pentadbir Tanah Daerah Rembau
- l. Pentadbir Tanah Daerah Jelebu
- m. Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil Gemas (PDKG)
- n. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban
- o. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson
- p. Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Pilah
- q. Yang Dipertua Majlis Daerah Tampin
- r. Yang Dipertua Majlis Daerah Rembau
- s. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jempol
- t. Yang Dipertua Majlis Daerah Jelebu
- u. Pengarah Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, SUK
- v. Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan
- w. Kurator Lembaga Muzium Negeri
- x. Pengerusi Persatuan Sejarah Negeri
- y. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan

vii Melaka

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka: *Pengerusi*
- b. Penasihat Undang-undang Negeri, Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Melaka
- c. Setiausaha Bahagian, Unit Perancang Ekonomi Negeri
- d. Ketua Penolong Setiausaha Kanan Kerajaan, Unit Kerajaan Tempatan
- e. Pengarah, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka
- f. Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
- g. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka (PLANMalaysia Melaka)
- h. Pengarah, Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka
- i. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah
- j. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah
- k. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Dan Tanah Tanah Jasin
- l. Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
- m. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
- n. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Alor Gajah
- o. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Jasin
- p. Pengarah, Bahagian Koridor Infrastruktur dan Impak Sosial
- q. Pengurus Besar, Perbadanan Muzium Melaka
- r. Pengurus Besar, Institut Tun Perak
- s. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka

viii Johor

- a. Setiausaha Kerajaan Johor: *Pengerusi*
- b. Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan): *Timbalan Pengerusi*
- c. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor
- d. Pengarah Tanah dan Galian Johor
- e. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor (PLANMalaysia Johor)
- f. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Johor
- g. Setiausaha Bahagian, ICT@Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
- h. Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
- i. Semua Pegawai Daerah Negeri Johor
- j. Semua Pentadbir Tanah Daerah Negeri Johor
- k. Datuk Bandar

- Majlis Bandaraya Johor Bahru
- Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
- Majlis Bandaraya Pasir Gudang
- l. Semua Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Johor
- m. Ketua Eksekutif, Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor
- n. Pengarah Yayasan Warisan Johor
- o. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan
- p. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Johor dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor

ix Pahang

- a. Setiausaha Kerajaan Pahang: *Pengerusi*
- b. Penasihat Undang-undang Negeri
- c. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
- d. Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- e. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang) (PLANMalaysia Pahang)
- f. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri
- g. Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, SUK
- h. Setiausaha Bahagian, Bahagian Teknologi Maklumat, SUK
- i. Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan, SUK
- j. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri
- k. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
- l. Pentadbir Tanah dan Daerah Kuantan
- m. Pentadbir Tanah dan Daerah Bentong
- n. Pentadbir Tanah dan Daerah Temerloh
- o. Pentadbir Tanah dan Daerah Pekan
- p. Pentadbir Tanah dan Daerah Lipis
- q. Pentadbir Tanah dan Daerah Jerantut
- r. Pentadbir Tanah dan Daerah Maran
- s. Pentadbir Tanah dan Daerah Raub
- t. Pentadbir Tanah dan Daerah Bera
- u. Pentadbir Tanah dan Daerah Cameron Highlands
- v. Pentadbir Tanah dan Daerah Rompin
- w. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan
- x. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Temerloh
- y. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Bentong
- z. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja

- aa. Yang Dipertua Majlis Daerah Lipis
- bb. Yang Dipertua Majlis Daerah Jerantut
- cc. Yang Dipertua Majlis Daerah Maran
- dd. Yang Dipertua Majlis Daerah Raub
- ee. Yang Dipertua Majlis Daerah Bera
- ff. Yang Dipertua Majlis Daerah Cameron Highlands
- gg. Yang Dipertua Majlis Daerah Rompin
- hh. Pengurus Besar, Lembaga Pembangunan Tioman
- ii. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Pahang dan Jabatan
Ukur dan Pemetaan Negeri Pahang

x Terengganu

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri: *Pengerusi*
- b. Penasihat Undang-undang Negeri
- c. Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- d. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri
- e. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
- f. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman
- g. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun
- h. Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu
- i. Yang Dipertua Majlis Daerah Besut
- j. Yang Dipertua Majlis Daerah Marang
- k. Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu
- l. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu
- m. Pejabat Daerah dan Tanah Kemaman
- n. Pejabat Daerah dan Tanah Dungun
- o. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu
- p. Pejabat Daerah dan Tanah Besut
- q. Pejabat Daerah dan Tanah Marang
- r. Pejabat Daerah dan Tanah Setiu
- s. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Nerus
- t. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu
- u. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu
(PLANMalaysia Terengganu)
- v. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur
- w. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu

xi Kelantan

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri: *Pengerusi*
- b. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan): *Timbalan Pengerusi*
- c. Pengarah UPEN: *Setiausaha*
- d. Penasihat Undang-undang Negeri
- e. Pegawai Kewangan Negeri
- f. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
- g. Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- h. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Kelantan
- i. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan (PLANMalaysia Kelantan)
- j. Ketua-ketua Jajahan
- k. Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Majlis-Majlis Daerah
- l. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur
- m. Pengarah (Bahagian Kerajaan Tempatan)
- n. Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perumahan)
- o. Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Koridor Infrastruktur dan Sistem Maklumat Geospatial)
- p. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan

NOTA : Jawatankuasa diberikan kuasa untuk mengundang wakil dari mana-mana jabatan atau agensi lain dari semasa ke semasa untuk membantu tugas Jawatankuasa.

xii Sarawak

Jawatankuasa Penamaan Geografi Negeri (JPGN)

- a. Setiausaha Tetap Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR): *Pengerusi*
- b. Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak
- c. Pengarah Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
- d. Pengarah Jabatan Hutan Sarawak
- e. Pengarah Kerja Raya Sarawak
- f. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan
- g. Setiausaha, Majlis Perbandaran Padawan
- h. Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuching Utara
- i. Pengarah Jabatan Muzium

- j. Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak
- k. Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak
- l. Ketua Bahagian Perancangan Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR) Sarawak
- m. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- n. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR)
Sarawak

xiii Sabah

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri: *Pengerusi*
- b. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan): *Timbalan Pengarah*
- c. Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur Sabah: *Setiausaha*
- d. Setiausaha Hasil Bumi
- e. Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- f. Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan
- g. Ketua Konservator Hutan
- h. Pengarah Kerja Raya Sabah
- i. Pengarah Perancang Bandar dan Wilayah
- j. Pengarah Muzium Negeri
- k. Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Topografi Sabah
- l. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah
- m. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Setiausaha Hasil Bumi

xiv Wilayah Persekutuan

Jawatankuasa Nama Geografi Wilayah Persekutuan (JKNGWP)

- a. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan : *Pengerusi*
- b. Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)/Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan)
- c. Setiausaha/Pengarah Bahagian, Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal
- d. Penasihat Undang-undang
- e. Datuk Bandar Kuala Lumpur
- f. Pengarah Eksekutif (Perancangan), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- g. Presiden, Perbadanan Putrajaya (PPj)
- h. Naib Presiden, Jabatan Perancangan Bandar, PPj

- i. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Labuan (PL)
- j. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), PL
- k. Pengarah, Jabatan Perancangan Infrastruktur, DBKL
- l. Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, PPj
- m. Pengarah, Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan, PL
- n. Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
- o. Wakil Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM
- p. Wakil Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) WP Kuala Lumpur/WP Putrajaya
- q. Wakil Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) WP Labuan
- r. Wakil Pengarah, Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
- s. Wakil Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka
- t. Wakil Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia
- u. Wakil Ketua Pengarah, Pusat Hidrografi Nasional
- v. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal

6.7 Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Negeri (JTNGN)

6.7.1 Secara umumnya, keahlian JTNGN seperti yang berikut:

- i. Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)/Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN): *Pengerusi*
- ii. Wakil Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- iii. Wakil Pusat Komputer/Maklumat Negeri
- iv. Wakil Pejabat-pejabat Tanah Daerah
- v. Wakil Pihak Berkuasa Tempatan
- vi. Wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri
- vii. Wakil Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (PLANMalaysia Negeri)
- viii. Jabatan lain yang sesuai

Secara umumnya, Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)/ Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)

NOTA: Jawatankuasa diberikan kuasa untuk melantik setiausaha dan mengundang wakil dari mana-mana jabatan atau agensi lain dari semasa ke semasa untuk membantu tugas Jawatankuasa.

6.7.2 Fungsi

- i Mengkaji dan memberi maklum balas draf cadangan dasar, strategi dan prinsip kepada Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi dalam menetapkan piawaian berkaitan dengan nama geografi;
- ii Menjalankan kajian, mengenal pasti serta mencadangkan nama-nama pulau dan entiti hidrografi semula jadi atau buatan di dalam pesisir dan di luar pesisir yang belum dinamai sesuai dengan ciri-ciri entiti hidrografi yang berkenaan;
- iii Membantu menyelaraskan dan menetapkan perancangan bagi pelaksanaan aktiviti piawaian berkaitan dengan nama geografi pada peringkat negeri;
- iv Mengkaji dan memberi maklum balas draf cadangan garis panduan bagi menggariskan prinsip-prinsip dan prosedur-prosedur dalam menentukan nama geografi;
- v Menyelaraskan pembangunan pangkalan data nama geografi negeri berpandukan reka bentuk dan garis panduan yang diperakukan oleh JNNG; dan
- vi Menyelaraskan penerbitan gazetteer negeri.

6.7.3 Senarai Keahlian JTNGN Peringkat Negeri

- i Perlis
 - a. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Perlis: *Pengerusi*
 - b. Wakil Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)
 - c. Wakil Pengarah Tanah dan Galian Negeri
 - d. Wakil Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis
 - e. Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis (PLANMalaysia Perlis)
 - f. Wakil Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar
 - g. Wakil Setiausaha Bahagian/Penolong Setiausaha (Bahagian Pentadbiran Daerah)
 - h. Setiausaha Bahagian/Penolong Setiausaha (Bahagian Kerajaan Tempatan)
 - i. Setiausaha Bahagian/Penolong Setiausaha Bahagian Perkhidmatan Hartanah Negeri
 - j. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Perlis

ii Kedah

- a. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan): *Pengerusi*
- b. Pejabat Daerah dan Tanah
- c. Pihak Berkuasa Tempatan
- d. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri
- e. Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Kedah
- f. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara
- g. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah

iii Pulau Pinang

- a. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan): *Pengerusi*
- b. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
- c. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri
- d. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
- e. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang
- f. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia Pulau Pinang)
- g. Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pulau Pinang
- h. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
- i. Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
- j. Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
- k. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
- l. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
- m. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
- n. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- o. Majlis Bandaraya Seberang Perai
- p. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara
- q. Lembaga Muzium Negeri
- r. Persatuan Sejarah Cawangan Negeri Pulau Pinang
- s. Pos Malaysia Berhad Pulau Pinang
- t. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Pulau Pinang

iv Perak

- a. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (P)/Pengarah UPEN: *Pengerusi*
- b. Timbalan Pengarah Kanan UPEN: *Pengerusi ganti*
- c. Wakil Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Perak
- d. Wakil Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
- e. Wakil Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
- f. Wakil Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak
- g. Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak (PLANMalaysia Perak)
- h. Wakil Semua Pegawai Daerah (12)
- i. Wakil Semua Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (15)
- j. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (PerakGIS)

v Selangor

- a. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri: *Pengerusi*
- b. Wakil Penasihat Undang-undang Negeri Selangor
- c. Wakil Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
- d. Wakil Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
- e. Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia Selangor)
- f. Wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor
- g. Pengarah Pusat Geospatial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
- h. Pejabat Tanah dan Daerah Petaling
- i. Pejabat Tanah dan Daerah Klang
- j. Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat
- k. Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat
- l. Pejabat Tanah dan Daerah Gombak
- m. Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor
- n. Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor
- o. Pejabat Tanah dan Daerah Sepang
- p. Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam
- q. Majlis Bandaraya Shah Alam
- r. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- s. Majlis Bandaraya Subang Jaya
- t. Majlis Bandaraya Diraja Klang
- u. Majlis Perbandaran Selayang

- v. Majlis Perbandaran Kajang
- w. Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- x. Majlis Perbandaran Sepang
- y. Majlis Perbandaran Kuala Langat
- z. Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- aa. Majlis Perbandaran Hulu Selangor
- bb. Majlis Daerah Sabak Bernam
- cc. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPN Selangor)
- dd. Perbadanan Adat Istiadat dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)
- ee. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor
- ff. Pusat Hidrografi Nasional (PHN)
- gg. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- hh. Pos Malaysia
- ii. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor

vi Negeri Sembilan

- a. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan: *Pengerusi*
- b. Wakil Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- c. Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan (PLANMalaysia Negeri Sembilan)
- d. Wakil Pentadbir Tanah Daerah Seremban
- e. Wakil Pentadbir Tanah Daerah Kuala Pilah
- f. Wakil Pentadbir Tanah Daerah Tampin
- g. Wakil Pentadbir Tanah Daerah Jempol
- h. Wakil Pentadbir Tanah Daerah Port Dickson
- i. Wakil Pentadbir Tanah Daerah Rembau
- j. Wakil Pentadbir Tanah Daerah Jelevu
- k. Wakil Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil Gemas (PDKG)
- l. Wakil Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban
- m. Wakil Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson
- n. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Pilah
- o. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Tampin
- p. Wakil Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jempol
- q. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Rembau
- r. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Jelevu
- s. Wakil Pengarah Unit Pengurusan Teknologi Maklumat
- t. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Setiausaha Bahagian (Kerajaan Tempatan)

vii Melaka

- a. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan): *Pengerusi*
- b. Wakil Penasihat Undang-undang Negeri, Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Melaka
- c. Setiausaha Bahagian, Unit Perancang Ekonomi Negeri
- d. Wakil Ketua Penolong Setiausaha Kanan Kerajaan, Unit Kerajaan Tempatan
- e. Wakil Pengarah, Tanah dan Galian Negeri Melaka
- f. Wakil Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
- g. Wakil Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka (PLANMalaysia Melaka)
- h. Wakil Pengarah, Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka
- i. Wakil Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah
- j. Wakil Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
- k. Wakil Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
- l. Wakil Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
- m. Wakil Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
- n. Wakil Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Alor Gajah
- o. Wakil Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Jasin
- p. Wakil Pengarah, Bahagian Koridor Infrastruktur dan Impak Sosial
- q. Wakil Pengurus Besar, Perbadanan Muzium Melaka
- r. Wakil Pengurus Besar, Institut Tun Perak
- s. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka

viii Johor

- a. Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan): *Pengerusi*
- b. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor
- c. Pengarah Tanah dan Galian Johor
- d. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (Bahagian Jalan)
- e. Setiausaha Bahagian ICT@Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
- f. Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
- g. Semua Pegawai Daerah Negeri Johor
- h. Semua Pentadbir Tanah Daerah Negeri Johor
- i. Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor
- j. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan

- k. Pengarah Yayasan Warisan (Bahagian Persuratan dan Sejarah)
- l. Pegawai Perancang Bandar dan Desa (semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor)
- m. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Johor

ix Pahang

- a. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan): *Pengerusi*
- b. Wakil Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, SUK
- c. Wakil Bahagian Teknologi Maklumat, SUK
- d. Wakil Bahagian Kerajaan Tempatan, SUK
- e. Wakil Jabatan Perhutanan Negeri
- f. Wakil Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
- g. Wakil Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- h. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Kuantan
- i. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Bentong
- j. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Temerloh
- k. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Pekan
- l. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Lipis
- m. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Jerantut
- n. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Maran
- o. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Raub
- p. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Bera
- q. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Cameron Highlands
- r. Wakil Pentadbir Tanah dan Daerah Rompin
- s. Wakil Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan
- t. Wakil Yang Dipertua Majlis Perbandaran Temerloh
- u. Wakil Yang Dipertua Majlis Perbandaran Bentong
- v. Wakil Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja
- w. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Lipis
- x. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Jerantut
- y. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Maran
- z. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Raub
- aa. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Bera
- bb. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Cameron Highlands
- cc. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Rompin
- dd. Wakil Lembaga Pembangunan Tioman
- ee. Wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pahang

- ff. Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang (PLANMalaysia Pahang)
- gg. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Pahang

x Terengganu

- a. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri: *Pengerusi*
- b. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Kerajaan Tempatan)
- c. Wakil Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
- d. Wakil Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman
- e. Wakil Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun
- f. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu
- g. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Besut
- h. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Marang
- i. Wakil Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu
- j. Wakil Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu
- k. Wakil Pejabat Daerah dan Tanah Kemaman
- l. Wakil Pejabat Daerah dan Tanah Dungun
- m. Wakil Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu
- n. Wakil Pejabat Daerah dan Tanah Besut
- o. Wakil Pejabat Daerah dan Tanah Marang
- p. Wakil Pejabat Daerah dan Tanah Setiu
- q. Wakil Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Nerus
- r. Wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu
- s. Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu (PLANMalaysia Terengganu)
- t. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu

xi Kelantan

- a. Pengarah UPEN: *Pengerusi*
- b. Timbalan Pengarah UPEN: *Timbalan Pengerusi*
- c. Ketua Penolong Pengarah UPEN (Pembangunan Wilayah dan Perbandaran):
Setiausaha
- d. Wakil Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan
- e. Wakil Semua Ketua Jajahan
- f. Semua Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan

- g. Wakil Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Kelantan
- h. Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan (PLANMalaysia Kelantan)
- i. Wakil Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- j. Wakil Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan
- k. Wakil Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan
- l. Wakil Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan
- m. Wakil Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Kelantan
- n. Pengarah (Bahagian Kerajaan Tempatan)
- o. Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perumahan)
- p. Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Koridor Infrastruktur dan Sistem Maklumat Geospacial)
- q. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Undang-undang)
- r. Penolong Pengarah UPEN (Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan)
- s. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan

NOTA: Jawatankuasa diberikan kuasa untuk mengundang wakil dari mana-mana jabatan atau agensi lain dari semasa ke semasa untuk membantu tugas Jawatankuasa.

xii Sarawak

- a. Setiausaha Tetap Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR) Sarawak: *Pengerusi*
- b. Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG)
- c. Pengarah Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
- d. Pengarah Jabatan Hutan Sarawak
- e. Pengarah Jabatan Muzium Sarawak
- f. Pengarah Kerja Raya Negeri Sarawak
- g. Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Topografi Sarawak
- h. Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak
- i. Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuching Utara
- j. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan
- k. Setiausaha, Majlis Perbandaran Padawan
- l. Ketua Bahagian Perancangan Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR) Sarawak
- m. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- n. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR)
Sarawak

NOTA: Jawatankuasa Penamaan Geografi Negeri (JPGN) Sarawak memainkan peranan dan fungsi seperti JNNG dan JTNGN.

xiii Sabah

- a. Pengarah Tanah dan Ukur Sabah: *Pengerusi*
- b. Wakil Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
- c. Wakil Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah
- d. Wakil Setiausaha Hasil Bumi
- n. Wakil Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan Topografi Sabah
- e. Wakil Pengarah Unit Perancang Ekonomi
- f. Wakil Pengarah Perkhidmatan Komputer Sabah
- g. Wakil Pengarah Kemajuan IT Sabah
- h. Wakil Pengarah Pertanian Sabah
- i. Wakil Pengarah Kerja Raya Sabah
- j. Wakil Ketua Konservator Hutan
- k. Wakil Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
- l. Wakil Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Cawangan Sabah
- m. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTU)

xiv Wilayah Persekutuan

Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi di Wilayah Persekutuan (WP) merangkumi tiga WP iaitu WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan WP Labuan. Jawatankuasa tersebut mempunyai sekretariat yang dianggotai oleh agensi seperti yang berikut:

1) WP Kuala Lumpur

Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- a. Pengarah Eksekutif (Perancangan), DBKL: *Pengerusi*
- b. Pengarah/Wakil Jabatan Perancangan Infrastruktur, DBKL
- c. Pengarah/Wakil Jabatan Perancangan Bandaraya, DBKL
- d. Pengarah/Wakil Jabatan Undang-undang, DBKL
- e. Pengarah/Wakil Jabatan Penguatkuasaan, DBKL
- f. Wakil Trafik Kuala Lumpur

- g. Wakil Dewan Bahasa dan Pustaka
- h. Wakil Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
- i. Wakil Pos Malaysia Berhad (POS)
- j. Wakil Arkib Negara Malaysia
- k. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan.

Sekretariat: Jabatan Perancangan Infrastruktur, DBKL

2) WP Putrajaya

Jawatankuasa Pusat Setempat Perbadanan Putrajaya

- a. Presiden Perbadanan Putrajaya: *Pengerusi*
- b. Setiausaha Perbadanan Putrajaya
- c. Naib Presiden Jabatan Perancangan Bandar Perbadanan Putrajaya
- d. Naib Presiden Jabatan Kejuruteraan Perbadanan Putrajaya
- e. Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar Perbadanan Putrajaya
- f. Naib Presiden Jabatan Audit Dalam Perbadanan Putrajaya
- g. Naib Presiden Jabatan Kewangan Perbadanan Putrajaya
- h. Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya
- i. Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Korporat Perbadanan Putrajaya
- j. Wakil Dewan Bahasa dan Pustaka (dipanjangkan untuk ulasan sahaja)
- k. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan

Sekretariat: Jabatan Perancangan Bandar, PPj

3) WP Labuan

Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan Labuan

- a. Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Labuan (PL): *Pengerusi*
- b. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), PL
- c. Pengarah Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan, PL
- d. Wakil Timbalan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, WP Labuan
- e. Wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan, WP Labuan
- f. Wakil Pengarah Jabatan Kerja Raya, WP Labuan
- g. Wakil Jabatan Pengairan dan Saliran, WP Labuan
- h. Agensi-agensi lain (ahli tidak tetap) sekiranya diperlukan

Sekretariat: Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan, Perbadanan Labuan

6.8 Senarai Keahlian Jawatankuasa Kerja Nama Geografi Peringkat Daerah Sabah

Secara umumnya, keahlian adalah seperti yang berikut:

- a. Datuk Bandar/Presiden/Pegawai Daerah: *Pengerusi*
- b. Juruukur-juruukur Daerah (Bahagian)
- c. Penolong-penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah
- d. Pegawai-pegawai Kerja Majlis Daerah
- e. Ketua-ketua Daerah
- f. Jurutera-jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya
- g. Pegawai-pegawai Perhutanan Daerah

7 PRINSIP UTAMA PENAMAAN

Prinsip yang berikut bertujuan dijadikan panduan dalam menyeragamkan kaedah penentuan penamaan baharu atau perubahan nama geografi di Malaysia ke arah penggunaan nama geografi yang tepat dan secara tekal. Dengan adanya garis panduan ini, tidak bermakna semua nama geografi yang sedia ada perlu disemak semula dan diubah berdasarkan prinsip tersebut. Walau bagaimanapun, nama yang kurang tepat dari segi sebutan, makna atau berkonotasi negatif digalakkan supaya ditukar. Umumnya penentuan nama hendaklah mematuhi perkara berikut:

- i. Prinsip yang telah ditetapkan oleh perjanjian dan triti antarabangsa;
- ii. Dasar dan prinsip yang dibentuk dan diterima oleh Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi; dan
- iii. Dasar dan prinsip yang dibentuk dan diterima di kawasan yang di bawah bidang kuasa berkanun yang sesuai dengan kehendak tempatan.

Prinsip Pertama: Nama Rasmi atau yang Dibenarkan

Bentuk ejaan bagi nama geografi yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa penamaan pada peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan akan dianggap sebagai nama rasmi atau yang dibenarkan. Dokumentasi lengkap tentang proses persetujuan hendaklah memasukkan nama alternatif, mencakupi nama asal atau nama lama menurut sejarah dan bentuk variasinya yang lain. Keputusan muktamad perlulah didokumentasikan untuk rujukan masa hadapan dan penilaian semula oleh pihak berkuasa penamaan yang berkenaan. Kesemua nama yang telah dipersetujui hendaklah direkodkan dan dikemaskinikan dalam Pangkalan Data Nama Geografi Kebangsaan.

Prinsip Kedua: Nama di Bawah Bidang Kuasa Pihak Berkuasa

Nama pihak berkuasa tempatan, kawasan pentadbiran, rizab, taman dan entiti sah lain yang ditubuhkan oleh-atau dibentuk melalui perundangan oleh pihak berkuasa yang berkenaan akan diterima.

Prinsip Ketiga: Nama oleh Agensi Lain

Nama yang dipilih, melalui peraturan pentadbiran oleh agensi yang mempunyai tanggungjawab untuk menamai sesuatu entiti geografi, seperti kemudahan yang didirikan oleh pihak berkuasa pos, syarikat kereta api dan pihak penyedia kemudahan awam utama yang lain bolehlah diterima, jika tidak bercanggah dengan garis panduan ini. Agensi-agensi berkenaan hendaklah mengemukakan nama yang dicadangkan kepada pihak berkuasa penamaan yang berkenaan untuk diluluskan dan diwartakan.

Prinsip Keempat: Bahasa Rasmi

Bahasa kebangsaan negara Malaysia ialah bahasa Melayu. Pada amnya, amalan menamai tempat mestilah menggunakan bentuk, ejaan dan gaya bahasa Melayu yang mematuhi standard yang ditentukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Namun, dalam usaha menetapkan ejaan nama, JKNG mengakui bahawa nama geografi seperti juga nama khas yang lain, tidak semestinya tertakluk pada peraturan ejaan yang terpakai untuk kata-kata lain dalam bahasa Melayu. Walaupun ejaan baku ini pada umumnya akur pada peraturan bahasa Melayu, tetapi ejaan berkenaan boleh juga menggambarkan sejarah ejaan atau bentuk yang lazim digunakan atau yang disukai oleh penduduk tempatan.

Dalam hal-hal tertentu, amalan menamai tempat hendaklah mengambil kira bahasa yang dituturkan pada masa kini oleh masyarakat tempatan dan pelbagai bahasa lain di Malaysia.

Prinsip Kelima: Bentuk Bahasa dan Terjemahan

Satu-satu nama hendaklah diterima pakai dalam satu bentuk bahasa, walaupun bentuk lain boleh diterima apabila telah diterima pakai dan dibenarkan oleh pihak berkuasa penamaan berkenaan. Satu-satu nama hendaklah ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi standard jika perlu. Nama yang berasal daripada bahasa selain bahasa Melayu hendaklah ditulis berdasarkan pandangan pakar linguistik dan dapat diterima oleh pihak berkuasa penamaan yang berkenaan dan pengguna bahasa yang berkaitan.

Prinsip Keenam: Ejaan dan Sebutan

Nama hendaklah dieja dan disebut mengikut sistem ejaan dan sebutan baku bahasa Melayu. Tanda sempang (-) dan koma atas (') boleh digunakan hanya apabila penggunaannya telah mantap.

NOTA: Nama geografi hendaklah dieja dengan penuh. Apabila nama yang berbentuk rangkaian kata dieja sepenuhnya dengan huruf besar dan huruf kecil, abjad pertama setiap kata hendaklah dalam huruf besar, melainkan kata sendi dalam nama tersebut.

Prinsip Ketujuh: Bentuk dan Sifat Sesuatu Nama

Nama entiti geografi hendaklah kata yang dapat dikenali atau rangkaian kata yang dapat diterima dan tidak menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.

Pihak berkuasa penamaan tidak boleh menerima cadangan nama yang ada implikasi diskriminasi atau menghina kumpulan kaum atau etnik, jantina atau agama tertentu atau berkonotasi negatif. Prinsip ini juga terpakai pada nama yang dianggap lucah atau bercanggah dalam konteks budaya masa kini.

Pihak berkuasa penamaan digalakkan untuk menukar nama yang kurang tepat dari segi sebutan, makna atau berkonotasi negatif.

NOTA: Nama hendaklah mudah disebut, dieja dan ditulis; ringkas, padat dan tidak melebihi 50 aksara; kata atau rangkaian kata yang mudah dikenali; dan dalam semua hal, selaras dengan kebiasaan masyarakat. Nama yang terbentuk daripada rangkaian kata yang tidak lazim atau janggal termasuklah rangkaian kata daripada bahasa yang berlainan. Gabungan unsur nama awal dengan nama keturunan dan nama keluarga tidak diterima.

Prinsip Kelapan: Keseragaman dalam Ejaan Nama

Nama bagi tempat asal yang sama digunakan pada pelbagai kemudahan perkhidmatan dalam satu-satu komuniti hendaklah selaras ejaannya dengan nama rasmi bagi komuniti berkenaan. Nama yang berkaitan dengan entiti geografi yang sama dalam satu-satu komuniti hendaklah selaras dari segi bentuk dan ejaannya.

NOTA: Nama yang berbentuk nama terbitan (seperti Pasir Puteh dan Bukit Pasir Puteh) atau nama yang berasal daripada sumber yang sama (seperti Lembah Bujok dan Paya Bujok) hendaklah mempunyai ejaan yang sama (bukannya Pasir Puteh dan Bukit Pasir Putih atau Lembah Bujok dan Paya Bujok).

Prinsip Kesembilan: Nama Lazim yang Digunakan oleh Masyarakat

Keutamaan hendaklah diberikan kepada nama yang telah lama digunakan di tempat berkenaan oleh masyarakat umum. Prinsip ini hendaklah diamalkan kecuali ada sebab-sebab yang munasabah untuk mengubahnya.

Prinsip Ke-10: Penggunaan Nama Orang

Nama orang tidak digalakkan digunakan dalam sesuatu entiti geografi melainkan penggunaan sedemikian ada kepentingan kepada orang awam. Orang yang namanya akan diabadikan hendaklah terdiri daripada orang yang telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada negara atau kepada kawasan berkenaan; lazimnya penamaan dibuat selepas orang berkenaan meninggal dunia kecuali dalam keadaan yang luar biasa. Pemilikan harta tanah tidak sepatutnya menjadi asas untuk penamaan entiti geografi kepada nama pemilik. Walau bagaimanapun, jika nama yang sudah lazim digunakan di tempat berkenaan berasal daripada nama orang sama ada hidup atau sudah meninggal dunia, maka Prinsip Ke-9 hendaklah diutamakan. Nama gelaran kehormat (Tan Sri, Dato' Seri, Dato', dsb.) tidak perlu diletakkan kecuali gelaran Tun.

Prinsip Ke-11: Menamai Sesuatu Entiti Geografi Berdasarkan Batas Geografi yang Telah Dikenal Pasti

Keputusan bagi meluluskan sesuatu cadangan nama untuk sesuatu entiti geografi hendaklah berdasarkan batas geografi yang telah dikenal pasti bagi dirujuk oleh nama berkenaan.

Sekiranya entiti geografi itu terletak keseluruhannya dalam satu kawasan negeri, maka negeri berkenaan akan menentukan cara menamai entiti geografi itu.

Sekiranya entiti geografi itu merentasi sempadan negeri, maka nama yang digunakan untuk merujuk entiti geografi itu hendaklah sama di kedua-dua belah sempadan berkenaan. Asas untuk memilih nama bagi entiti geografi sedemikian hendaklah berupa kesepakatan antara kedua-dua pihak berkuasa penamaan tersebut dan ia perlulah diterbitkan dengan sempurna di atas peta yang berkenaan.

NOTA: Batas entiti geografi yang spesifik mestilah dicatat. Penggunaan kata generik yang sama untuk sebahagian daripada entiti geografi berkenaan dengan keseluruhan entiti geografi tersebut hendaklah dielakkan.

Prinsip ini bertujuan mengelakkan penggunaan lebih daripada satu nama dengan kata generik yang serupa untuk bahagian-bahagian yang berlainan bagi entiti geografi yang sama. Apabila memberikan nama baharu kepada sungai, lebuhraya, gunung atau entiti geografi yang seumpamanya, seluruh entiti geografi yang akan diberikan nama hendaklah dikenal pasti dengan jelas pada peta atau carta terbaik yang sedia ada.

Prinsip Ke-12: Pertimbangan untuk Menamai Entiti Geografi yang Belum Bernama

Untuk menamai entiti geografi yang belum bernama dan tiada nama tempatan diketahui telah digunakan, panduan berikut disarankan untuk diikuti: nama yang sesuai dengan sifat entiti geografi; sejarah yang berhubung dengan kawasan berkenaan; kata daripada bahasa orang tempatan yang dikaitkan dengan kawasan berkenaan; nama peneroka; dan nama tokoh atau perwira negara yang telah meninggal dunia.

Prinsip Ke-13: Pertindanan Nama

Tujuan nama tempat diwujudkan pada dasarnya adalah untuk menyediakan tunjuk arah dan rujukan yang tepat bagi mengenal pasti entiti geografi. Maka pertindanan nama tempat dalam kawasan pentadbiran terkecil hendaklah dielakkan untuk menghindarkan kekeliruan dan salah faham. Oleh itu, sebelum nama baharu diberikan, penyemakan sama ada nama itu telah digunakan dalam kawasan pentadbiran berkenaan hendaklah dilakukan. Pihak berkuasa penamaan digalakkan untuk menukar atau mengubah suai satu atau kesemua nama tersebut sekiranya boleh menimbulkan kekeliruan.

Prinsip Ke-14: Perubahan Nama

Nama geografi, seperti juga kelompok nama khas lain, bertindak sebagai rujukan penting atau fungsi label penting dalam bahasa. Setiap nama menjelaskan tentang sesuatu rupa alam geografi, tempat atau kawasan yang tertentu. Fungsi ini memerlukan darjah pemantapan yang tinggi dalam bentuk lisan dan tulisan nama berkenaan dan kegunaannya. Sehubungan dengan itu, perubahan pada nama yang sedia ada tidak patut dilakukan tanpa sebab yang kukuh.

Pihak berkuasa penamaan hendaklah mengkaji semua cadangan yang melibatkan perubahan nama dan kelebihan bagi setiap kes hendaklah dinilai sebelum diluluskan.

Prinsip Ke-15: Penggunaan Unsur Keterangan

Kata keterangan boleh digunakan untuk membezakan dua entiti geografi atau lebih yang sama dan mempunyai bentuk spesifik yang serupa. Kata sedemikian boleh diambil daripada nama tempatan lain atau entiti geografi lain atau boleh juga diambil kata seperti "baharu", "kecil" atau kata lawannya. Selain

itu, petunjuk kardinal boleh digunakan dalam penamaan geografi. Walau bagaimanapun, nama baharu hendaklah jelas perbezaannya.

NOTA: Apabila unsur spesifik banyak digunakan, ada baiknya digabungkan dengan nama kawasan bagi nama yang digunakan (misalnya Bota Kiri, Bota Kanan, Ulu Langat dan Kuala Langat).

Prinsip Ke-16: Nama Entiti Geografi yang Kecil

Penamaan bagi entiti geografi yang kecil dibenarkan, tetapi bergantung pada kepentingannya dan berpandukan skala pemetaan yang sedia ada kecuali nama tersebut telah digunakan oleh orang tempatan atau telah terakam dalam sejarah.

NOTA: Apabila sesuatu entiti geografi itu terlalu kecil (misalnya Makam Mahsuri dan Perigi Hang Tuah), nama berkenaan lazimnya tidak diterima pakai untuk dimasukkan dalam gazetir atau ditera pada peta. Namun, nama sedemikian boleh diterima bergantung pada status yang diberikan oleh pihak berkuasa penamaan bagi entiti geografi dan hendaklah direkodkan dalam Pangkalan Data Nama Geografi Kebangsaan.

Prinsip Ke-17: Nama Generik

Nama geografi boleh terdiri daripada unsur generik dan spesifik. Kata generik dalam nama geografi yang perlu diluluskan hendaklah sesuai dengan sifat entiti geografi berkenaan.

NOTA: Kata generik merupakan bahagian nama tempat yang menunjukkan jenis entiti geografi yang ditentukan, misalnya "Parit" dalam Parit Jawa, "Sungai" dalam Sungai Siput. Kata generik yang sesuai hendaklah menjadi sebahagian daripada nama bagi entiti geografi berkenaan apabila diwartakan. Rujukan utama ialah buku Istilah Geografi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Prinsip Ke-18: Nama Lain atau Tidak Rasmi

Penggunaan nama lain atau tidak rasmi dalam tanda kurung, sama ada selepas atau di bawah nama rasminya untuk tujuan kejelasan atau rujukan boleh dibenarkan. Namun, pada setiap masa, nama rasmi hendaklah sentiasa diutamakan. Penggunaan nama lain semata-mata tanpa nama rasmi tidak dibenarkan.

NOTA: Sebab-sebab nama lain dibenarkan termasuklah seperti yang berikut:

- a. Untuk menunjukkan nama lain yang digunakan oleh orang tempatan pada masa kini atau sebelum itu;*
- b. Untuk menunjukkan nama sebelumnya yang telah diubah;*
- c. Untuk menunjukkan nama asing bagi entiti geografi yang merentasi sempadan antarabangsa;*

- d. Untuk menunjukkan nama tempatan yang digunakan hanya pada bahagian satu-satu entiti geografi; dan
- e. Untuk menunjukkan nama alternatif dalam bahasa Inggeris.

Prinsip Ke-19: Nama Berbentuk Singkatan dan Nombor

Pada peta, papan tanda dan ilustrasi lain, bahagian generik bagi nama dan juga beberapa penerang boleh disingkatkan (misalnya “Sungai”, “Jalan”, “Bukit”, “Gunung”, “Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan”, “Balai Polis”, dsb.), tetapi jika ruang mencukupi, lebih baik dieja penuh. Nombor pada nama hendaklah dieja (misalnya “Batu Tiga”) kecuali untuk menunjukkan simbol dan angka (misalnya “Jalan Perdana 3/6”).

Singkatan hendaklah berpandukan senarai singkatan dalam bahasa Melayu yang diperakui oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (Rujuk **Lampiran B**).

Prinsip Ke-20: Pulau dan Entiti geografi di Dalam Pesisir dan di Luar Pesisir

Penamaan entiti geografi di dalam pesisir dan di luar pesisir hendaklah dinamai menurut garis panduan untuk Penyeragaman Nama Rupa Alam di Bawah Laut yang dikeluarkan oleh *International Hydrographic Organisation dan Intergovernmental Oceanographic Commission (IHO/IOC Publication B-6)*. Entiti yang perlu diberikan nama adalah seperti yang berikut:

- a. Entiti semasa air pasang (entiti geografi yang kekal di atas paras laut);
- b. Entiti geografi semasa air surut (entiti geografi yang kelihatan semasa air surut); dan
- c. Entiti geografi dasar laut.

Penamaan pulau dan entiti geografi yang berada dalam kawasan sesuatu negeri merupakan tanggungjawab negeri berkenaan.

Cadangan nama pulau dan entiti geografi yang telah disahkan/diwartakan pada peringkat negeri hendaklah dikemukakan kepada Pusat Hidrografi Nasional (PHN) untuk penyelarasan.

Prinsip Ke-21: Nama Negara Luar

Nama negara di luar Malaysia hendaklah dieja dalam bahasa Melayu atau diterjemahkan jika perlu. Nama yang digunakan hendaklah berdasarkan senarai nama negara dalam bahasa Inggeris yang diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (*UNGEGN List of Country Names* 2021). Senarai nama dalam bahasa Melayu hendaklah mengikut senarai yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka seperti **Lampiran C**.

8 GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN PROSES PENENTUAN NAMA GEOGRAFI DALAM NEGERI

8.1 Kaedah Membuat Cadangan

8.1.1 Pihak yang membuat cadangan:

- a. Pemaju;
- b. Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- c. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)/Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian/Jabatan Wilayah Persekutuan (MPT);
- d. Organisasi (agensi swasta dan awam); atau
- e. Individu.

8.2 Prosedur Membuat Cadangan

8.2.1 Cadangan mestilah dikemukakan kepada Pihak Berwajib yang mempunyai bidang kuasa terhadap kawasan tempat entiti geografi itu berada secara bertulis beserta maklumat berikut:

- a. Nama penuh yang dicadangkan untuk entiti geografi;
- b. Lokasi mengikut koordinatnya dengan menyatakan peta yang dirujuk;
- c. Pemerian yang jelas tentang entiti geografi yang hendak dinamai;
- d. Menamai semula dengan menyatakan dengan tepat batas lingkungannya;
- e. Foto, lakaran atau pelan;
- f. Sebab penamaan atau perubahan nama itu dicadangkan;
- g. Asal usul atau makna nama yang dicadangkan atau nama yang diubah; dan
- h. Nama, alamat dan nombor telefon pemastautin yang telah lama menetap di kawasan tersebut boleh mengesahkan penggunaan nama tempatan yang telah digunakan.

NOTA: Nama-nama yang tidak boleh diterima pada peringkat JTNGN/Jawatankuasa Pusat Setempat dan tidak diperakukan sahaja yang perlu diubah atau dipinda berpandukan Garis Panduan Penentuan Nama Geografi.

8.2.2 Jika nama yang dicadangkan itu bersempena dengan nama seseorang (atau lebih daripada seorang), maklumat tambahan seperti yang berikut diperlukan:

- a. Nama penuh setiap orang;
- b. Tarikh lahir dan tarikh kematian setiap orang, jika diketahui; dan
- c. Sejarah hidup yang ringkas tentang orang yang diberikan penghormatan itu dengan menjelaskan sumbangan dan hubungannya dengan entiti geografi tersebut.

- 8.2.3 Proses penilaian cadangan boleh disegerakan dengan menyertakan bukti yang menunjukkan sokongan tempatan bagi nama yang dicadangkan dalam bentuk:
- a. Surat daripada Pihak Berkuasa Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan etnik atau Pihak Berkuasa Tempatan;
 - b. Petisyen bagi nama tersebut yang ditandatangani oleh penduduk tempatan;
 - c. Keratan akhbar tentang rencana dan surat kepada editor yang menunjukkan kesedaran orang awam dan sokongan mereka akan nama yang dicadangkan; dan
 - d. Penerbitan lain yang dapat menyokong permohonan.
- 8.2.4 Bagi tujuan penamaan bangunan Kerajaan Persekutuan, Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2022 (Peraturan Penamaan Bangunan Kerajaan Persekutuan) hendaklah dirujuk dan peraturan tersebut adalah terpakai kepada semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan persekutuan.

8.3 Memproses Cadangan

- 8.3.1 Pihak yang memproses cadangan:
Kementerian atau Pihak Berwajib.
- 8.3.2 Prosedur memproses cadangan:
- a. Pihak Berwajib hendaklah merekodkan cadangan untuk penamaan baharu atau perubahan nama geografi yang diterima;
 - b. Pihak Berwajib hendaklah memeriksa dan mengesahkan dokumen dan maklumat sokongan yang diterima;
 - c. Pihak Berwajib perlu membuat semakan termasuk merujuk agensi kerajaan yang lain jika perlu (terutamanya Dewan Bahasa dan Pustaka); dan
 - d. Menyediakan ringkasan bagi setiap cadangan untuk pertimbangan Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Negeri (JTNGN).

8.4 Perakuan Cadangan

- 8.4.1 Pihak yang memperakukan cadangan
JNNG/JPGN/JKNGWP
- 8.4.2 Prosedur memperakukan cadangan:
- a. JTNGN/Jawatankuasa Pusat Setempat hendaklah mempertimbangkan dan merekodkan cadangan untuk penamaan baharu atau perubahan nama geografi yang diterima dan mengemukakan kepada JNNG/JPGN/JKNGWP;
 - b. JNNG/JPGN/JKNGWP hendaklah memperakukan cadangan yang selaras dengan garis panduan;

- c. JNNG/JPGN/JKNGWP hendaklah memaklumkan perakuannya kepada Pihak Berwajib yang berkenaan;
- d. Pihak Berwajib hendaklah memaklumkan keputusan JNNG/JPGN/JKNGWP kepada pencadang terhadap cadangan yang dikemukakan; dan
- e. Sekiranya cadangan tidak diperakukan oleh JNNG/JPGN/JKNGWP, pihak pencadang boleh mengambil tindakan yang berikut:
 - i. Membuat pindaan dan memajukannya semula; atau
 - ii. Membuat cadangan baharu.

8.5 Kelulusan dan Tindakan Lanjut


8.5.1 Pihak yang meluluskan

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Jawatankuasa Nama Geografi Wilayah Persekutuan (JKNGWP) mempunyai kuasa untuk memperakukan atau menolak mana-mana cadangan untuk penamaan baharu atau perubahan nama geografi berdasarkan kertas yang disediakan oleh Pihak Berwajib.

8.5.2 Tindakan lanjut selepas kelulusan

- a. Proses Pewartaan/Pengisytiharan
Proses pewartaan/Pengisytiharan hendaklah diuruskan oleh Pihak Berwajib.
- b. Makluman kepada JKNG
JTNGN/JKNGWP hendaklah memaklumkan pengisytiharan kepada Sekretariat JKNG.
- c. Pengemaskinian
JKNG hendaklah mengambil tindakan untuk mengemaskinkan Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan.

Penyeragaman Proses Penentuan Nama Geografi Dalam Negeri



Perkara Penting:

Cadangan penamaan di bawah bidang kuasa pentadbiran Pihak Berwajib dimajukan kepada Pihak Berwajib

Cadangan diproses oleh Pihak Berwajib sebelum dimajukan kepada JTNGN/Jawatankuasa Pusat Setempat

Nama yang dicadangkan mestilah selaras dengan Garis Panduan Penentuan Nama Geografi yang disediakan oleh JKNG

9 GARIS PANDUAN UNTUK NAMA DI LUAR MALAYSIA BAGI KEGUNAAN RASMI DI MALAYSIA

9.1 Nama negara berdaulat

- a. Hendaklah dieja dalam bahasa Melayu atau diterjemahkan jika perlu. Nama yang digunakan hendaklah berdasarkan senarai nama negara dalam bahasa Inggeris yang diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Senarai nama dalam bahasa Melayu hendaklah mengikut senarai yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

9.2 Nama tempat berpenghuni di negara luar Malaysia

- a. Hendaklah seperti yang diputuskan dalam gazetir yang diterbitkan oleh pihak berkuasa penamaan setiap negara, seperti yang dicetak dalam tulisan Rumi.
- b. Jika tiada gazetir kebangsaan, maka hendaklah ditentukan melalui rujukan pada atlas dan peta terbaharu yang diterbitkan oleh setiap negara.
- c. Jika tiada gazetir kebangsaan, atlas atau peta yang terbaharu, hendaklah ditentukan oleh sekretariat JKNG melalui rujukan pada sumber lain yang dianggap menunjukkan bentuk yang dapat diterima oleh setiap pihak berkuasa berkenaan.
- d. Memasukkan sinonim dalam bahasa Inggeris yang lazim digunakan dalam tanda kurung selepas nama rasmi dalam bahasa kebangsaannya mengikut ejaan Rumi atau dalam saiz fon yang lebih kecil dalam tanda kurung pada peta, sebagai pilihan, jika nama tersebut dianggap perlu untuk mengenal pasti tempat berkenaan, misalnya Guangzhou (Canton), iaitu "Canton" untuk mengiringi "Guangzhou".

9.3 Nama entiti geografi lain dalam negara berdaulat

- a. Hendaklah seperti yang diputuskan dalam gazetir yang diterbitkan oleh pihak berkuasa penamaan setiap negara, seperti yang dicetak dalam tulisan Rumi.
- b. Jika tiada gazetir kebangsaan, maka hendaklah ditentukan melalui rujukan pada atlas dan peta terbaharu yang diterbitkan oleh setiap negara.
- c. Jika tiada gazetir kebangsaan, atlas atau peta yang terbaharu, hendaklah ditentukan oleh sekretariat JKNG melalui rujukan pada sumber lain yang dianggap menunjukkan bentuk yang dapat diterima oleh setiap pihak berkuasa berkenaan.

9.4 Nama entiti geografi bersebelahan atau milik bersama dua negara berdaulat atau lebih negara

- a. Hendaklah tertera dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris jika peta atau dokumen berkenaan adalah untuk kegunaan pengguna berbahasa Melayu dan berbahasa Inggeris (misalnya Selat Melaka dan *Straits of Melaka*).
- b. Hendaklah tertera dalam bahasa Melayu sahaja jika peta atau dokumen berkenaan adalah untuk kegunaan pengguna berbahasa Melayu sahaja.

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

SENARAI ALAMAT JAWATANKUASA KEBANGSAAN NAMA GEOGRAFI (JKNG)

- | | |
|---|---|
| 1. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
(JUPEM),
Wisma JUPEM,
Jalan Sultan Yahya Petra,
50578 Kuala Lumpur. | 2. Setiausaha Kerajaan Sarawak
Jabatan Premier Sarawak,
Tingkat 20, Wisma Bapa Malaysia,
Petra Jaya,
93502 Kuching,
Sarawak. |
| 3. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Aras 28, Blok A,
Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas
88400, Kota Kinabalu,
Sabah. | 4. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak,
Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh,
Perak. |
| 5. Setiausaha Kerajaan Kelantan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Kelantan,
Aras 4, MABNA MBI, (Blok 8),
Kompleks Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu,
Kelantan. | 6. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Wisma Sri Pahang,
Jalan Gambut,
25503 Kuantan,
Pahang. |
| 7. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau
Pinang,
Tingkat 25, Kompleks Tun Abdul Razak
(KOMTAR),
10503 Pulau Pinang. | 8. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan,
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri,
Jalan Dato' Abdul Malek,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan. |
| 9. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Pejabat Setiausaha Kerajaan
(Khidmat Pengurusan),
Tingkat 15, Wisma Darul Iman,
20503 Kuala Terengganu,
Terengganu. | 10. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah,
Aras 4, Blok B, Wisma Darul Aman,
05503 Alor Setar,
Kedah. |
| 11. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Melaka,
Jabatan Ketua Menteri Melaka,
Aras 3, Blok Bendahara,
Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh,
Melaka. | 12. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor,
Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad,
Kota Iskandar,
79503 Iskandar Puteri,
Johor. |

13. **Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Selangor,
Tingkat 19, Bangunan Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah (SSAAS),
40503 Shah Alam,
Selangor.
14. **Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis**
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis,
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran
Kerajaan Negeri Perlis,
Persiaran Wawasan,
01000 Kangar,
Perlis.
15. **Ketua Setiausaha/Ketua Pengarah**
Kementerian/Jabatan Wilayah
Persekutuan,
Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya.
16. **Ketua Pengarah**
Jabatan Digital Negara
Aras 1-6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
Selangor Darul Ehsan
17. **Ketua Pengarah**
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
(PLANMalaysia)
Aras 13, Blok F5, Parcel F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 Putrajaya.
18. **Ketua Pengarah Kerja Raya**
Pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya,
Jabatan Kerja Raya Malaysia,
Tingkat 33, Blok G,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.
19. **Ketua Pengarah**
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP),
Aras 30, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
20. **Pengarah**
Pusat Geospasial Negara (PGN),
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
(NRES),
Aras 7 dan 8,
Menara PETRA,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya
62574 Putrajaya.
21. **Ketua Pengarah**
Jabatan Kerajaan Tempatan,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan,
Aras 26 - 29, No. 51,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya.
22. **Ketua Pengarah**
Pusat Hidrografi Nasional,
Bandar Armada Putra,
Pulau Indah,
42009 Pelabuhan Klang,
Selangor.

LAMPIRAN B
SENARAI SINGKATAN (Prinsip Ke-19)

Bil.	Perkataan	Singkatan
1.	Air	A
2.	Alur, Alur Layar, Ayer, Saluran	Alr.
3.	Apartment/Apartments	Apt.
4.	Bahagian	Bhg.
5.	Bakau	Bak.
6.	Balai Polis	B.P.
7.	Balai Raya	B.R.
8.	Bandar	Bdr.
9.	Bangunan	Bgn.
10.	Batu	Bt.
11.	Berhad	Bhd.
12.	Blok	Blk.
13.	<i>Building</i>	<i>Bld.</i>
14.	Bukit	Bkt.
15.	Cangkat, Changkat	Chgkt.
16.	Caruk	C.
17.	<i>Center</i>	<i>Ctr.</i>
18.	<i>Company</i>	<i>Co.</i>
19.	<i>Condominium</i>	<i>Condo</i>
20.	Dispensari	Disp.
21.	<i>Floor</i>	<i>Flr.</i>
22.	Gosong	Gsg.
23.	Gunung	G.
24.	Haji	Hj.
25.	Hilir	Hr.
26.	Hospital	Hosp.
27.	Hulu	H
28.	Hutan Rizab	H.R.
29.	Jalan, Labuhan	Jln.
30.	Jeram	J.
31.	Kampung, Kampung	Kg.
32.	Kangka/Kangkar	Kr.
33.	Kepulauan	Kep.
34.	Kilometer	Km
35.	Kondominium	Kondo
36.	Kuala	K.
37.	Ladang	Ldg.
38.	Lapangan	Lpg.
39.	Lebuh/Leboh	Lbh.
40.	Lembah	Lmbh.
41.	Lengkong/Lengkuk	Lnkg.
42.	<i>Level</i>	<i>Lvl.</i>
43.	<i>Limited</i>	<i>Ltd.</i>
44.	Lintang	Ltg.

Bil.	Perkataan	Singkatan
45.	Lorong	Lrg.
46.	Muara	Mu.
47.	Padang	Pdg.
48.	Pangkalan, Pengkalan	Pang.
49.	Parit	Pt.
50.	Pasir	Psr.
51.	Pejabat Daerah	P.D.
52.	Pejabat Pos	P.P.
53.	Pejabat Pos dan Telegraf	P.P.T.
54.	Pelabuhan	Plbh.
55.	Perhentian	Ph.
56.	Permatang	Pmtg.
57.	Persiaran	Psrn.
58.	Pinggiran	Pgrn.
59.	Pulau, anak pulau	P.
60.	<i>Quarters</i>	<i>Qtrs.</i>
61.	Regat	Rgt.
62.	Rizab Melayu	R.M.
63.	Rumah Perhentian	R.P.
64.	Rumah Rehat	R.R.
65.	Sekolah	S
66.	Sekolah Agama Menengah	SAM
67.	Sekolah Agama Rendah	SAR
68.	Sekolah Kebangsaan	SK
69.	Sekolah Menengah Kebangsaan	SMK
70.	Sekolah Menengah Agama	SMA
71.	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	SMKA
72.	Sekolah Rendah Agama	SRA
73.	Sekolah Rendah Kebangsaan	SRK
74.	Sekolah Menengah	SM
75.	Sekolah Rendah	SR
76.	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan	SRJK
77.	Sendirian Berhad	Sdn. Bhd.
78.	<i>Square</i>	<i>Sq.</i>
79.	Stesen Kajicuaca	S.Kc.
80.	Stesen Kastam	S.K.
81.	Stesen Meteorologi	S. Met.
82.	Sungai	Sg.
83.	Tali Air	T.A.
84.	Taman	Tmn.
85.	Tanah	Tnh.
86.	Tanjung	Tg.
87.	Teluk, Telok, Telukan	Tlk.
88.	Timur	T
89.	Tingkat	Tkt.
90.	Utara	U
91.	Wakil Pos	W.P.
92.	Zon Ekonomi Eksklusif	ZEE

LAMPIRAN C

NAMA NEGARA (Prinsip Ke-21)

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
1.	Afghanistan	Islamic Republic of Afghanistan (the)	Afghanistan	Republik Islam Afghanistan
2.	Albania	Republic of Albania (the)	Albania	Republik Albania
3.	Algeria	People's Democratic Republic of Algeria (the)	Algeria	Republik Demokratik Rakyat Algeria
4.	Andorra	Principality of Andorra (the)	Andorra	Kerajaan (Kecil) Andorra
5.	Angola	Republic of Angola (the)	Angola	Republik Angola
6.	Antigua and Barbuda	Antigua and Barbuda	Antigua dan Barbuda	Antigua dan Barbuda
7.	Argentina	Argentine Republic (the)	Argentina	Republik Argentina
8.	Armenia	Republic of Armenia (the)	Armenia	Republik Armenia
9.	Australia	Australia	Australia	Australia
10.	Austria	Republic of Austria (the)	Austria	Republik Austria
11.	Azerbaijan	Republic of Azerbaijan (the)	Azerbaijan	Republik Azerbaijan
12.	Bahamas (the)	Commonwealth of the Bahamas (the)	Bahamas	Komanwel Bahamas
13.	Bahrain	Kingdom of Bahrain (the)	Bahrain	Kerajaan Bahrain
14.	Bangladesh	People's Republic of Bangladesh (the)	Bangladesh	Republik Rakyat Bangladesh
15.	Barbados	Barbados	Barbados	Barbados
16.	Belarus	Republic of Belarus (the)	Belarus	Republik Belarus

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
17.	Belgium	Kingdom of Belgium (the)	Belgium	Kerajaan Belgium
18.	Belize	Belize	Belize	Belize
19.	Benin	Republic of Benin (the)	Benin	Republik Benin
20.	Bhutan	Kingdom of Bhutan (the)	Bhutan	Kerajaan Bhutan
21.	Bolivia (Plurinational State of)	Plurinational State of Bolivia (the)	Bolivia	Kerajaan Bolivia
22.	Bosnia and Herzegovina	Bosnia and Herzegovina	Bosnia dan Herzegovina	Bosnia dan Herzegovina
23.	Botswana	Republic of Botswana (the)	Botswana	Republik Botswana
24.	Brazil	Federative Republic of Brazil (the)	Brazil	Republik Persekutuan Brazil
25.	Brunei Darussalam	Brunei Darussalam	Brunei Darussalam	Brunei Darussalam
26.	Bulgaria	Republic of Bulgaria (the)	Bulgaria	Republik Bulgaria
27.	Burkina Faso	Burkina Faso	Burkina Faso	Burkina Faso
28.	Burundi	Republic of Burundi (the)	Burundi	Republik Burundi
29.	Cape Verde	Republic of Cabo Verde (the)	Cape Verde	Republik Cabo Verde
30.	Cambodia	Kingdom of Cambodia (the)	Kemboja	Kerajaan Kemboja
31.	Cameroon	Republic of Cameroon (the)	Cameroon	Republik Cameroon
32.	Canada	Canada	Kanada (Canada; Kanada)	Kanada
33.	Central African Republic (the)	Central African Republic (the)	Republik Afrika Tengah	Republik Afrika Tengah

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
34.	Chad	Republic of Chad (the)	Chad	Republik Chad
35.	Chile	Republic of Chile (the)	Chile	Republik Chile
36.	China	People's Republic of China (the)	China	Republik Rakyat China
37.	Colombia	Republic of Colombia (the)	Colombia	Republik Colombia
38.	Comoros (the)	Union of the Comoros (the)	Comoros	Kesatuan Comoros
39.	Congo (the)	Republic of the Congo (the)	Congo	Republik Congo
40.	Democratic Republic of the Congo (the)	Democratic Republic of the Congo (the)	Republik Demokratik Congo	Republik Demokratik Congo
41.	Costa Rica	Republic of Costa Rica (the)	Costa Rica	Republik Costa Rica
42.	Côte d' Ivoire	Republic of Côte d' Ivoire (the)	Côte d' Ivoire	Republik Côte d' Ivoire
43.	Croatia	Republic of Croatia (the)	Croatia	Republik Croatia
44.	Cuba	Republic of Cuba (the)	Cuba	Republik Cuba
45.	Cyprus	Republic of Cyprus (the)	Cyprus	Republik Cyprus
46.	Czechia	Czech Republic (the)	Czechia	Republik Czech
47.	Denmark	Kingdom of Denmark (the)	Denmark	Kerajaan Denmark
48.	Djibouti	Republic of Djibouti (the)	Djibouti	Republik Djibouti
49.	Dominica	Commonwealth of Dominica (the)	Dominica	Komanwel Dominica
50.	Dominican Republic (the)	Dominican Republic (the)	Republik Dominican	Republik Dominican

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
51.	Ecuador	Republic of Ecuador (the)	Ecuador	Republik Ecuador
52.	Egypt	Arab Republic of Egypt (the)	Mesir	Republik Arab Mesir
53.	El Salvador	Republic of El Salvador (the)	El Salvador	Republik El Salvador
54.	Equatorial Guinea	Republic of Equatorial Guinea (the)	Equatorial Guinea	Republik Equatorial Guinea
55.	Eritrea	State of Eritrea (the)	Eritrea	Negara Eritrea
56.	Estonia	Republic of Estonia (the)	Estonia	Republik Estonia
57.	Eswatini	Kingdom of Eswatini (the)	Eswatini	Kerajaan Eswatini
58.	Ethiopia	Federal Democratic Republic of Ethiopia (the)	Ethiopia	Republik Demokratik Persekutuan Ethiopia
59.	Fiji	Republic of Fiji (the)	Fiji	Republik Fiji
60.	Finland	Republic of Finland (the)	Finland	Republik Finland
61.	France	French Republic (the)	Perancis	Republik Perancis
62.	Gabon	Gabonese Republic (the)	Gabon	Republik Gabon
63.	Gambia (the)	Republic of the Gambia (the)	Gambia	Republik Gambia
64.	Georgia	Georgia	Georgia	Georgia
65.	Germany	Federal Republic of Germany (the)	Jerman	Republik Persekutuan Jerman
66.	Ghana	Republic of Ghana (the)	Ghana	Republik Ghana
67.	Greece	Hellenic Republic (the)	Greece	Republik Hellenic

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
68.	Grenada	Grenada	Grenada	Grenada
69.	Guatemala	Republic of Guatemala (the)	Guatemala	Republik Guatemala
70.	Guinea	Republic of Guinea (the)	Guinea	Republik Guinea
71.	Guinea-Bissau	Republic of Guinea-Bissau (the)	Guinea-Bissau	Republik Guinea-Bissau
72.	Guyana	Co-operative Republic of Guyana (the)	Guyana	Republik Kerjasama Guyana
73.	Haiti	Republic of Haiti (the)	Haiti	Republik Haiti
74.	Holy See (the)	Holy See (the) (2)	Holy See	Holy See
75.	Honduras	Republic of Honduras (the)	Honduras	Republik Honduras
76.	Hungary	Hungary	Hungary	Hungary
77.	Iceland	Republic of Iceland (the)	Iceland	Republik Iceland
78.	India	Republic of India (the)	India	Republik India
79.	Indonesia	Republic of Indonesia (the)	Indonesia	Republik Indonesia
80.	Iran (Islamic Republic of)	Islamic Republic of Iran (the)	Iran	Republik Islam Iran
81.	Iraq	Republic of Iraq (the)	Iraq	Republik Iraq
82.	Ireland	Ireland	Ireland	Ireland
83.	Italy	Republic of Italy (the)	Itali	Republik Itali
84.	Jamaica	Jamaica	Jamaica	Jamaica

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
85.	Japan	Japan	Jepun	Jepun
86.	Jordan	Hashemite Kingdom of Jordan (the)	Jordan	Kerajaan Hashimiah Jordan
87.	Kazakhstan	Republic of Kazakhstan (the)	Kazakhstan	Republik Kazakhstan
88.	Kenya	Republic of Kenya (the)	Kenya	Republik Kenya
89.	Kiribati	Republic of Kiribati (the)	Kiribati	Republik Kiribati
90.	Democratic People's Republic of Korea (the)	Democratic People's Republic of Korea (the)	Korea Utara	Republik Demokratik Rakyat Korea
91.	Republic of Korea (the)	Republic of Korea (the)	Korea Selatan	Republik Korea
92.	Kuwait	State of Kuwait (the)	Kuwait	Negara Kuwait
93.	Kyrgyzstan	Kyrgyz Republic (the)	Kyrgyzstan	Republik Kyrgyz
94.	Lao People's Democratic Republic (the)	Lao People's Democratic Republic (the)	Laos	Republik Demokratik Rakyat Laos
95.	Latvia	Republic of Latvia (the)	Latvia	Republik Latvia
96.	Lebanon	Lebanese Republic (the)	Lubnan	Republik Lubnan
97.	Lesotho	Kingdom of Lesotho (the)	Lesotho	Kerajaan Lesotho
98.	Liberia	Republic of Liberia (the)	Liberia	Republik of Liberia
99.	Libya	State of Libya (the)	Libya	Negara Libya
100.	Liechtenstein	Principality of Liechtenstein (the)	Liechtenstein	Kerajaan (Kecil) Liechtenstein
101.	Lithuania	Republic of Lithuania (the)	Lithuania	Republik Lithuania

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
102.	Luxembourg	Grand Duchy of Luxembourg (the)	Luxembourg	Luxembourg
103.	Madagascar	Republic of Madagascar (the)	Madagascar	Republik Madagascar
104.	Malawi	Republic of Malawi (the)	Malawi	Republik Malawi
105.	Malaysia	Malaysia	Malaysia	Malaysia
106.	Maldives	Republic of Maldives (the)	Maldives	Republik Maldives
107.	Mali	Republic of Mali (the)	Mali	Republik Mali
108.	Malta	Republic of Malta (the)	Malta	Republik Malta
109.	Marshall Islands (the)	Republic of the Marshall Islands (the)	Kepulauan Marshall	Republik Kepulauan Marshall
110.	Mauritania	Islamic Republic of Mauritania (the)	Mauritania	Republik Islam Mauritania
111.	Mauritius	Republic of Mauritius (the)	Mauritius	Republik Mauritius
112.	Mexico	United Mexican States (the)	Mexico	Kesatuan Mexico
113.	Micronesia (Federated States of)	Federated States of Micronesia (the)	Micronesia	Negeri Bersekutu Micronesia
114.	Republic of Moldova (the)	Republic of Moldova (the)	Moldova	Republik Moldova
115.	Monaco	Principality of Monaco (the)	Monaco	Negara (Kecil) Monaco
116.	Mongolia	Mongolia	Mongolia	Mongolia
117.	Montenegro	Montenegro	Montenegro	Montenegro
118.	Morocco	Kingdom of Morocco (the)	Morocco (Maghribi)	Kerajaan Morocco (Maghribi)

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
119.	Mozambique	Republic of Mozambique (the)	Mozambique	Republik Mozambique
120.	Myanmar	Republic of the Union of Myanmar (the)	Myanmar	Kesatuan Republik Myanmar
121.	Namibia	Republic of Namibia (the)	Namibia	Republik Namibia
122.	Nauru	Republic of Nauru (the)	Nauru	Republik Nauru
123.	Nepal	Nepal	Nepal	Nepal
124.	Netherlands (the)	Kingdom of the Netherlands (the)	Belanda	Kerajaan Belanda
125.	New Zealand	New Zealand	New Zealand	New Zealand
126.	Nicaragua	Republic of Nicaragua (the)	Nicaragua	Republik Nicaragua
127.	Niger (the)	Republic of the Niger (the)	Niger	Republik Niger
128.	Nigeria	Federal Republic of Nigeria (the)	Nigeria	Republik Persekutuan Nigeria
129.	North Macedonia	Republic of North Macedonia (the)	Macedonia Utara	Republik Macedonia Utara
130.	Norway	Kingdom of Norway (the)	Norway	Kerajaan Norway
131.	Oman	Sultanate of Oman (the)	Oman	Kesultanan Oman
132.	Pakistan	Islamic Republic of Pakistan (the)	Pakistan	Republik Islam Pakistan
133.	Palau	Republic of Palau (the)	Palau	Republik Palau
134.	State of Palestine (the)	State of Palestine (the)	Palestin	Negara Palestin
135.	Panama	Republic of Panama (the)	Panama	Republik Panama

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
136.	Papua New Guinea	Independent State of Papua New Guinea (the)	Papua New Guinea	Negeri Merdeka Papua New Guinea
137.	Paraguay	Republic of Paraguay (the)	Paraguay	Republik Paraguay
138.	Peru	Republic of Peru (the)	Peru	Republik Peru
139.	Philippines (the)	Republic of the Philippines (the)	Filipina	Republik Filipina
140.	Poland	Republic of Poland (the)	Poland	Republik Poland
141.	Portugal	Portuguese Republic (the)	Portugal	Republik Portugal
142.	Qatar	State of Qatar (the)	Qatar	Negara Qatar
143.	Romania	Romania	Romania	Romania
144.	Russian Federation (the)	Russian Federation (the)	Persekutuan Rusia	Persekutuan Rusia
145.	Rwanda	Republic of Rwanda (the)	Rwanda	Republik Rwanda
146.	Saint Kitts and Nevis	Saint Kitts and Nevis	St. Kitts dan Nevis (Persekutuan Saint Kitts dan Nevis) Saint Kitts dan Nevis	Saint Kitts dan Nevis
147.	Saint Lucia	Saint Lucia	Saint Lucia	Saint Lucia
148.	Saint Vincent and the Grenadines	Saint Vincent and the Grenadines	Saint Vincent dan the Grenadines	Saint Vincent dan the Grenadines
149.	Samoa	Independent State of Samoa (the)	Samoa (Negeri Merdeka Samoa)	Negeri Merdeka Samoa
150.	San Marino	Republic of San Marino (the)	San Marino	Republik San Marino
151.	Sao Tome and Principe	Democratic Republic of Sao Tome and Principe (the)	Sao Tome dan Principe	Republik Demokratik Sao Tome dan Principe
152.	Saudi Arabia	Kingdom of Saudi Arabia (the)	Arab Saudi	Kerajaan Arab Saudi

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
153.	Senegal	Republic of Senegal (the)	Senegal	Republik Senegal
154.	Serbia	Republic of Serbia (the)	Serbia	Republik Serbia
155.	Seychelles	Republic of Seychelles (the)	Seychelles	Republik Seychelles
156.	Sierra Leone	Republic of Sierra Leone (the)	Sierra Leone	Republik Sierra Leone
157.	Singapore	Republic of Singapore (the)	Singapura	Republik Singapura
158.	Slovakia	Slovak Republic (the)	Slovakia	Republik Slovak
159.	Slovenia	Republic of Slovenia (the)	Slovenia	Republik Slovenia
160.	Solomon Islands	Solomon Islands	Kepulauan Solomon	Kepulauan Solomon
161.	Somalia	Federal Republic of Somalia (the)	Somalia	Republik Persekutuan Somalia
162.	South Africa	Republic of South Africa (the)	Afrika Selatan	Republik Afrika Selatan
163.	South Sudan (the)	Republic of South Sudan (the)	Sudan Selatan	Republik Sudan Selatan
164.	Spain	Kingdom of Spain (the)	Sepanyol	Kerajaan Sepanyol
165.	Sri Lanka	Democratic Socialist Republic of Sri Lanka (the)	Sri Lanka	Sosialis Demokratik Sri Lanka
166.	Sudan (the)	Republic of the Sudan (the)	Sudan	Republik Sudan
167.	Suriname	Republic of Suriname (the)	Suriname	Republik Suriname
168.	Sweden	Kingdom of Sweden (the)	Sweden	Kerajaan Sweden
169.	Switzerland	Swiss Confederation (the)	Switzerland	Persekutuan Swiss

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
170.	Syrian Arab Republic (the)	Syrian Arab Republic (the)	Syria	Republik Arab Syria
171.	Tajikistan	Republic of Tajikistan (the)	Tajikistan	Republik Tajikistan
172.	United Republic of Tanzania (the)	United Republic of Tanzania (the)	Tanzania	Republik Kesatuan Tanzania
173.	Thailand	Kingdom of Thailand (the)	Thailand	Kerajaan Thailand
174.	Timor-Leste	Democratic Republic of Timor-Leste (the)	Timor-Leste	Republik Demokratik Timor-Leste
175.	Togo	Togolese Republic (the)	Togo	Republik Togo
176.	Tonga	Kingdom of Tonga (the)	Tonga	Kerajaan Tonga
177.	Trinidad and Tobago	Republic of Trinidad and Tobago (the)	Trinidad dan Tobago	Republik Trinidad dan Tobago
178.	Tunisia	Republic of Tunisia (the)	Tunisia	Republik Tunisia
179.	Turkeye	Republic of Turkeye (the)	Turkiye	Republik Turkiye
180.	Turkmenistan	Turkmenistan	Turkmenistan	Turkmenistan
181.	Tuvalu	Tuvalu	Tuvalu	Tuvalu
182.	Uganda	Republic of Uganda (the)	Uganda	Republik Uganda
183.	Ukraine	Ukraine	Ukraine	Ukraine
184.	United Arab Emirates (the)	United Arab Emirates (the)	Emirriyyah Arab Bersatu	Emirriyyah Arab Bersatu
185.	United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland (the)	United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland (the)	United Kingdom	United Kingdom
186.	United States of America (the)	United States of America (the)	Amerika Syarikat	Amerika Syarikat

Bil.	Bahasa Inggeris (UN Official)		Penggunaan di Malaysia	
	Nama Ringkas	Nama Formal	Nama Ringkas	Nama Formal
187.	Uruguay	Eastern Republic of Uruguay (the)	Uruguay	Republik Uruguay Timur
188.	Uzbekistan	Republic of Uzbekistan (the)	Uzbekistan	Republik Uzbekistan
189.	Vanuatu	Republic of Vanuatu (the)	Vanuatu	Republik Vanuatu
190.	Venezuela (Bolivarian Republic of)	Bolivarian Republic of Venezuela (the)	Venezuela	Republik Bolivarian Venezuela
191.	Vietnam	Socialist Republic of Viet Nam (the)	Vietnam	Republik Sosialis Vietnam
192.	Yemen	Republic of Yemen (the)	Yaman	Republik Yaman
193.	Zambia	Republic of Zambia (the)	Zambia	Republik Zambia
194.	Zimbabwe	Republic of Zimbabwe (the)	Zimbabwe	Republik Zimbabwe

NOTA: Senarai Nama Negara yang dipaparkan pada buku ini adalah sebagai panduan sahaja dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

BIBLIOGRAFI

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2024). *Gaya Dewan* (Edisi ke-empat). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. ISBN 978-983-493-993-9

Kementerian Luar Negeri, Malaysia. (t.t.). *Perwakilan Luar Negara*. Diambil pada 27 Ogos 2025, daripada <https://www.kln.gov.my/web/guest/overseas-mission>

United Nations Group of Experts on Geographical Names. (2021). *UNGEGN list of country names* (GEGN.2/2021/CRP.130/Rev.1) [PDF]. United Nations. Diambil pada 27 Ogos 2025, daripada https://unstats.un.org/unsd/ungegn/sessions/2nd_session_2021/documents/GEGN.2_2021_CRP130_4c_WG_Country_Names_rev2.pdf

TATACARA PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PENENTUAN NAMA GEOGRAFI DAN BUKU SENARAI NAMA PULAU DAN ENTITI GEOGRAFI

Penerbitan Garis Panduan Penentuan Nama Geografi dan Senarai Nama Pulau dan Entiti Geografi merupakan suatu aktiviti yang amat penting bagi menyelaraskan kegiatan penamaan geografi di Malaysia. Untuk memastikan bahawa proses pengemaskinian kedua-dua buku ini dapat dilaksanakan dengan cekap dan efisien, terdapat tatacara khusus yang boleh dirujuk dan perlu dipertimbangkan untuk memastikan bahawa proses pengemaskinian ini dapat dilakukan dengan lancar dan mudah.

Syarat-syarat pengemaskinian yang perlu dipertimbangkan termasuklah:

- i. Pengemaskinian buku Garis Panduan Nama Geografi dibuat 5 tahun sekali seperti Dokumen Standard MS2256; atau
- ii. Menerbitkan edisi pindaan (addendum) sekiranya pindaan kurang daripada 30% daripada kandungan asal berdasarkan bilangan muka surat.

Dengan merujuk kepada panduan ini, kumpulan kerja/sekretariat yang berkaitan dengan aktiviti penamaan geografi dapat memastikan bahawa pengemaskinian kedua-dua buku dapat dilakukan dengan mengikuti keperluan yang ditetapkan, supaya penyampaian dan perkongsian maklumat geospasial dapat dilakukan dengan lebih efektif, efisien dan sewajarnya.

PERTANYAAN TENTANG GARIS PANDUAN PENENTUAN NAMA GEOGRAFI DAN MAKLUMAT TENTANG ASAL USUL SERTA PENGGUNAAN NAMA DAN ISTILAH

Sila ambil perhatian bahawa walaupun setiap pihak berkuasa penamaan Kerajaan Negeri menerima pakai prinsip dan prosedur yang diturunkan dalam garis panduan ini, namun sesetengah pihak berkuasa tersebut boleh membentuk set peraturan dan garis panduan khusus mereka.

Pertanyaan umum tentang Jawatankuasa dan Garis Panduan serta penerbitannya termasuklah tentang Gazetir Kebangsaan hendaklah dikemukakan kepada:

Sekretariat,
Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi,
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia,
Jalan Sultan Yahya Petra,
50578 Kuala Lumpur.

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan nama bagi entiti geografi yang tertentu di negeri, cadangan untuk nama baharu, pembetulan dan cadangan untuk menukar nama, bolehlah dirujuk kepada pihak Sekretariat, Jawatankuasa Negeri Nama Geografi bagi negeri masing-masing.

Sebarang permohonan maklumat tentang nama entiti geografi bawah laut, tentang garis panduan untuk menamai entiti geografi bawah laut dan gazetir nama entiti geografi bawah laut hendaklah dikemukakan kepada:

Sekretariat,
Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi,
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia,
Jalan Sultan Yahya Petra,
50578 Kuala Lumpur.



SEKRETARIAT JAWATANKUASA KEBANGSAAN NAMA GEOGRAFI
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
JALAN SULTAN YAHYA PETRA
50578 KUALA LUMPUR
TEL: 603-26170800 FAKS: 603-26170990
www.jupem.gov.my